

فتيحتن تيته

PETIKAN TITAH

"Bulan Ramadan adalah merupakan bulan perjuangan. Ia memberikan semangat juang yang tinggi sehingga kita umat Islam dapat menghadapi pelbagai ujian, seperti ujian berpuasa iaitu suatu perkara yang bukan mudah bagi semua orang dapat melakukannya. Hanya orang yang benar-benar tabah dan sabar sahaja yang akan menang dalam perjuangan ini." - Titah sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri pada bulan Januari 1999.



قليت بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

مايسن ايمان

MANISNYA IMAN

"PUASA merupakan salah satu Rukun Islam yang lima yang menjadi kekuatan seseorang. Bila ia dicuakan maka akan terancamlah keislamannya." - Surah Al-Baqarah ayat 183.

TAHUN 45 BILANGAN 48 RABU 29 NOVEMBER, 2000/1421, رابو 2 رمضان

PERCUMA

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm> email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI : (02) 383941/(02) 383804 Faks : (02) 381004/(02) 380507

Perubahan ekonomi ASEAN



BARISAN PEMIMPIN ASEAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama sembilan pemimpin ASEAN mengabadikan gambar kenangan di Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Ke-4 di Republik Singapura. - Gambar oleh Halim HS.

REPUBLIK SINGAPURA, 24 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama-sama pemimpin-pemimpin ASEAN ke Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN Ke-4 yang berlangsung di Hotel Shangri-La.

Di permulaan Sidang Kemuncak, baginda bertitah mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara-negara ahli ASEAN, yang mana paling ketara ialah ketangkasan arus globalisasi yang mendakap rantau ini, khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Baginda juga mengetengahkan cabaran bagi menghadapi dasar-dasar kewangan dan ekonomi serantau, demi untuk mengembalikan semula keyakinan pelabur ke rantau ini. Baginda kemudiannya menyuarakan kebimbangan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat ASEAN dalam menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan teknologi dan ekonomi serta mengenai keadaan politik dan keselamatan serantau.

Ke arah menghadapi cabaran-cabaran itu, baginda mencadangkan agar negara-negara ahli ASEAN meneruskan usaha-usaha ke arah perubahan ekonomi bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi di rantau ini, dan penubuhan program-program khusus dan dasar-dasar di kalangan ASEAN, yang mana dapat meningkatkan lagi usaha-usaha tersebut. Program-program khusus yang telah mendapat pujian baginda ialah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA); Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA); Inisiatif E-ASEAN dan Pameran Pelaburan.

Laporan Bolhassan HAB dari Republik Singapura

Baginda juga mencadangkan bahawa dengan sokongan penuh daripada semua negara-negara ahli, kesemua inisiatif-inisiatif berkenaan akan dapat menggerakkan ASEAN ke arah penyatuan ekonomi yang lebih erat.

Seterusnya baginda mencadangkan bahawa ASEAN perlu mengambil kesempatan tren globalisasi masa kini dengan memperbaiki lagi kemahiran dan pengetahuan masyarakat supaya mereka mempunyai kemahiran yang bersesuaian untuk menyertai ekonomi baru dan bersaing dengan masyarakat dunia.

Keperluan bagi memperbaiki lagi kemahiran dan pengetahuan masyarakat telah ditekankan semasa Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC di Negara Brunei Darussalam di mana pengiktirafan diberikan terhadap kerja-kerja yang telah dibuat ke atas pembinaan keupayaan manusia.

Di samping itu baginda juga menggariskan ketahanan tradisi ASEAN mengenai kerjasama dalam memelihara keamanan dan kemakmuran di rantau ini. Menurut baginda, ahli-ahli ASEAN tidak semata-mata wujud secara bersama tetapi berinteraksi dan bekerjasama dalam keadaan aman dan persahabatan yang melimpasi peringkat pembinaan kepercayaan.

Titah baginda, ASEAN perlu untuk memberikan kesedaran kepada masyarakatnya tentang apa yang sedang diusahakan oleh ASEAN dan bagi melibatkan mereka dalam semua kegiatan-

kegiatan pembangunan ASEAN, keselamatan dan pembangunan masyarakat.

Baginda kemudiannya menyatakan penghargaan di atas sokongan yang telah diberikan oleh pemimpin-pemimpin ASEAN semasa Negara Brunei Darussalam mempengerusikan APEC 2000.

Waktu bekerja di bulan Ramadan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi tahun Hijrah 1421/2000 Masihi adalah seperti berikut :

Hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu - 8.00 pagi - 2.00 petang

Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan pada 11 November, bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula, masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa, sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara kementerian/jabatan masing-masing.



قائتارونى
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

29 NOVEMBER, 2000 BERSAMAAN 1421, 2 رمضان

Dari Sidang Pengarang

دغن نام الله يغمها
قصوره دان مها قبايح

MENGHORMATI BULAN RAMADAN

ALHAMDULILLAH kita dipertemukan sekali lagi dengan bulan Ramadan yang mulia dan penuh keberkatan, malahan di dalamnya terdapat satu malam yang keistimewaanannya lebih baik daripada seribu bulan. Tidak hairanlah kedatangan bulan Ramadan ditunggu-tunggu oleh umat Islam dan ada sesetengah masyarakat Islam mengadakan sambutan untuk memeriahkan dan memuliakan kedatangan bulan Ramadan itu. Dalam bulan ini umat Islam diwajibkan menunaikan ibadah puasa dengan menahan diri daripada makan dan minum di siang hari serta menahan dan mengawal tuntutan hawa nafsu kita terhadap perbuatan yang boleh membatalkan puasa.

Dengan kata lain, puasa itu bukan semata-mata merupakan satu ibadah dan ujian terhadap sejauh mana keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala tetapi juga sebagai latihan untuk membina ketahanan diri dan memperbaiki kesihatan fizikal dan mental yang bukan sahaja boleh membaiki penyakit-penyakit biasa malahan juga penyakit-penyakit hati yang sukar diubati seperti hasad dengki, tamak, bakhil dan lain-lain lagi. Bukan itu sahaja, ibadah puasa juga dapat membentuk peribadi yang mulia.

Di Negara Brunei Darussalam, sepanjang bulan Ramadan waktu-waktu bekerja di sektor kerajaan diubah masanya dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang. Langkah ini membuktikan bahawa usaha memuliakan dan menghormati bulan Ramadan itu meresap ke dalam pentadbiran kerajaan sendiri di samping memberi kemudahan kepada umat Islam menjalankan ibadah tersebut dengan lebih selesa dan sempurna. Ada juga sektor swasta yang turut memberi kelonggaran waktu bekerja kepada pekerja-pekerjanya yang beragama Islam. Sikap mereka itu memang patut dipuji dan alangkah baiknya kalau sikap sedemikian itu dapat diikuti oleh semua sektor swasta mengikut kesesuaian bidang masing-masing.

Di samping hukum-hukum dan syarat-syarat puasa yang telah ditentukan oleh syarak, kerajaan juga telah memperuntukkan undang-undang untuk mengawal umat Islam supaya menunaikan ibadah tersebut menurut sebagaimana yang dikehendaki dan seterusnya menghormati bulan yang mulia itu termasuklah menajutai hukuman sekiranya ada orang Islam yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan seperti makan dan minum di khalayak ramai di siang hari.

Dalam hubungan ini, kerajaan juga mengambil langkah-langkah yang sewajarnya seperti tidak membenarkan restoran-restoran yang menyediakan makanan dan minuman untuk orang-orang Islam dibuka pada siang hari sepanjang bulan Ramadan. Langkah ini membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memastikan kemaslahatan orang-orang Islam sentiasa terpelihara dan orang-orang Islam dapat menunaikan ibadah mereka dengan sempurna.

Tetapi malangnya usaha-usaha murni kerajaan seumpama itu dan kesucian ibadah puasa serta kemuliaan bulan Ramadan sering dicemari oleh perbuatan orang-orang Islam sendiri yang tanpa segan-silu melanggar hukum-hukum Allah seperti makan, minum atau merokok di khalayak ramai di siang hari. Perbuatan tidak bermoral seumpama ini juga akan mencemarkan imej orang-orang Islam.

Yang demikian marilah kita sama-sama menunaikan ibadah puasa dengan khusyuk dan tawaduk kerana Allah dan sama-sama menyemarakkan dan menghidupkan bulan Ramadan ini dengan ibadah dan amal-amal kebajikan dan seterusnya sama-sama menjaga hukum-hukum Allah tersebut, di samping tetap dengan pendirian untuk terus menjaga imej agama Allah. Dengan yang demikian semoga kita akan sama-sama mendapat hidayah, inayah, keselamatan dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wataala.

TENAGA-TENAGA PROFESIONAL HAFAZ AL-QURAN DIPERLUKAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen. Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Alihie Wasahbihiie Ajma'een Waba'du.

Beta dengan penuh syukur merafakkan segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurnia-Nya mengizinkan kita berkumpul di pagi yang indah lagi permai ini.

Kalimat 'Al-Quran' adalah seindah-indah sebutan. Tidak ada lidah yang tidak pandai menyebutnya, dan apabila ia disebut, tidak ada pula telinga yang tidak mahu mendengarnya.

Itulah dia kitab dari Allah, yang turun kepada Nabi dan Rasul terakhir, Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Malaikat Jibril Alaihissalam.


Caranya diturunkan amatlah ajaib. Tetapi lebih ajaib lagi ialah, isi kandungannya belum pernah tercabar, sekalipun terdapat musuh-musuh yang cuba berbuat demikian.

Penubuhan Institut Tahfiz Al-Quran adalah dihasratkan untuk menghasilkan penghafaz-penghafaz tempatan. Mereka itu juga

sekarang berpeluang untuk mempelajari mata-mata pelajaran konvensional seperti sains, matematik, komputer dan bahasa Arab, Melayu dan Inggeris. Insya-Allah, institut ini akan berusaha bagi mengeluarkan pelajar-pelajarnya yang hafaz Al-Quran, di samping tidak tercicir dari memahami ilmu-ilmu sains dan teknologi di bawah sistem Tri-Bahasa.

Keputusan peperiksaan GCE 'A' Level baru-baru ini sangatlah memberangsangkan dengan pencapaian 100 peratus, serta penghafalan 30 juz juga sungguhlah membanggakan.

Setakat ini pelajar-pelajar yang berjaya, ada yang telah dihantar keluar negeri di samping ada juga yang memilih ke Universiti Brunei Darussalam. Seorang daripada mereka telah



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Kampus Kekal Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pada 9 November, 2000.

meneruskan pelajarannya di bidang kejuruteraan arkitek.

Matlamat kita sangatlah jelas, iaitu ingin mendapatkan tenaga-tenaga profesional yang hafaz Al-Quran. Di samping sudah tentu, Al-Hafiz di bidang Pengajian Islam sendiri.

Beta tidak ragu, institut ini bukan saja berkeupayaan untuk melahirkan pakar-pakar yang hafaz Al-Quran, malahan juga, dengan sendirinya akan menjadi wadah kepada pembentukan dan pendidikan akhlak yang mulia. Kerana bukannya Al-Quran itu ialah akhlak yang tertinggi, sebagaimana disifatkan kepada akhlak Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Beta yakin, institut ini akan menjadi sebuah pusat yang penting, bukan saja kepada Negara Brunei Darussalam, malahan juga tidak mustahil, khidmatnya akan turut melimpahi sempadan kita sendiri.

Akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pelajar, baik mereka itu yang masih belajar, mahupun yang sudah keluar meninggalkan institut ini kerana menyambungkan pelajaran masing-masing.

Beta juga tidak lupa mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha penubuhan dan pentadbiran institut ini, semoga Allah jua yang akan memberikan ganjaran-Nya selaku amal salih daripada kita. Amin.

Dengan lafaz 'Bismillahir Rahmahir Rahim, Wa Bihee Tawakkalnaa', maka beta merasmikan Kampus Kekal Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

BETA tidak ragu, institut ini bukan saja berkeupayaan untuk melahirkan pakar-pakar yang hafaz Al-Quran, malahan juga, dengan sendirinya akan menjadi wadah kepada pembentukan dan pendidikan akhlak yang mulia. Kerana bukannya Al-Quran itu ialah akhlak yang tertinggi, sebagaimana disifatkan kepada akhlak Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

SIDANG KEMUNCIAK TIDAK RASMI ASEAN KE-4

Rangka kerja e-ASEAN ditandatangani

REPUBLIK SINGAPURA, 24 November. - Selepas berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Ke-4, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pemimpin-pemimpin ASEAN yang lain menandatangani Perjanjian Rangka Kerja E-ASEAN, yang diikuti kemudiannya dengan Majlis Penandatanganan secara digital.

Berangkat sama bagi menyaksikan majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Perjanjian Rangka Kerja E-ASEAN yang ditandatangani oleh ketua-ketua negara/kerajaan ASEAN itu merupakan hasil kemuncak Inisiatif E-ASEAN yang wujud ketika Sidang Kemuncak ASEAN di Vietnam dalam bulan Disember 1998, di mana para pemimpin ASEAN telah bersetuju ke atas Pelan Tindakan Hanoi termasuk penubuhan Infrastruktur Maklumat ASEAN demi untuk mempertingkatkan lagi pertalian keseragaman ASEAN. Inisiatif E-ASEAN telah kemudiannya diterima oleh pemimpin-pemimpin ASEAN di Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ke-3 di Manila pada bulan November 1999.

Perjanjian Rangka Kerja E-ASEAN memudahkan lagi penubuhan Infrastruktur Maklumat ASEAN yang mana akan menghubungkan ASEAN dengan usaha-usaha Teknologi Maklumat dan

Komunikasi (ICT) terutama di rantau ini dan seluruh dunia, seperti Infrastruktur Maklumat Asia Pasifik dan Infrastruktur Maklumat Global dan mempertingkatkan pertumbuhan perdagangan elektronik di rantau ini.

Infrastruktur Maklumat ASEAN juga akan mengembangkan lagi rancangan-rancangan ICT setiap negara-negara ahli ASEAN, seperti RAGAM 21 Negara Brunei Darussalam, Nusantara 21 Indonesia, Multimedia Super Corridor Malaysia, IT21 Filipina dan

IT2000 Republik Singapura.

Penandatanganan Perjanjian Rangka Kerja E-ASEAN oleh ketua-ketua negara/kerajaan ASEAN itu menunjukkan komitmen ASEAN dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dibawa oleh ekonomi baru amnya, dan ke arah menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN bagi barangan, perkhidmatan-perkhidmatan dan pelaburan di antara ASEAN bagi industri-industri komunikasi maklumat khususnya.

Menjadikan ASEAN rantau dinamik, berdaya maju

REPUBLIK SINGAPURA, 23 November. - Masa depan ASEAN dan isu-isu ekonomi serta usaha berterusan untuk menjadikan pertubuhan serantau itu lebih dinamik dan berdaya maju merupakan agenda utama di Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Ke-4 yang berlangsung di Republik Singapura.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman yang mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri ASEAN Ke-4 (AEM) berkata, banyak perkara telah berlaku di rantau ASEAN termasuk kemasukan Republik Rakyat China dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Langkah tersebut, kata Yang Berhormat mungkin menimbulkan keadaan yang menjadikan ASEAN kurang tarikan, terutamanya dari segi pelaburan.

"Jadi diharapkan bahawa pemimpin-

pemimpin ASEAN akan membincangkan masa depan ASEAN bagi membolehkannya lebih relevan untuk peluang-peluang seterusnya," jelas Yang Berhormat ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Di akhir mesyuarat itu, jemaah menteri ASEAN telah menandatangani protokol mengenai implementasi Perjanjian Skim 'Common Effective Preferential Tariff' (CEPT) bagi



Laporan oleh Bolhassan HAB dari Republik Singapura

Bersaing dalam pasaran global

REPUBLIK SINGAPURA, 22 November. - Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Ke-4 yang diadakan di Republik Singapura bermula hari ini hingga 25 November dijangka menyaksikan penandatanganan Perjanjian E-ASEAN. Inisiatif tersebut diluluskan oleh jemaah menteri-menteri ekonomi ASEAN semasa bersidang dalam bulan September tahun lepas.

Menurut kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Pusat Media di sini, draf rangka kerja perjanjian diluluskan oleh para menteri ekonomi ASEAN di mesyuarat mereka di Thailand bulan lalu. Ia membolehkan negara-negara ahli yang sudah bersedia untuk mempercepatkan pelaksanaan pembangunan kapasiti.

E-ASEAN akan membantu membina keupayaan dalam ASEAN untuk bersaing dalam pasaran global yang mana inisiatif tersebut akan membentuk ASEAN menjadi pasaran yang terbuka dan tidak bersempadan.

ASEAN menganggap adalah penting untuk menubuhkan kawasan perdagangan bebas bagi barangan, perkhidmatan dan pelaburan untuk industri-industri komunikasi maklumat di bawah perjanjian itu.

Selain pemimpin ASEAN pemimpin-pemimpin Jepun, Republik Rakyat China dan Republik Korea juga menyertai sidang itu selaku rakan dialog ASEAN.

ASEAN hadapi cabaran yang sangat penting

REPUBLIK SINGAPURA, 23 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba hari ini di Republik Singapura bagi menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Ke-4.

Berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Pesawat khas yang membawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi kira-kira jam 5.25 petang.

Keberangkatan tiba baginda dan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pembangunan Masyarakat Bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Abdullah Tarmugi dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Kerma Bijaya Kolonel (B) Dato Paduka Haji Hussin bin Haji Sulaiman.

Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN merupakan mesyuarat penting bagi pemimpin-pemimpin ASEAN memandangkan pertubuhan serantau yang dianggotai oleh 10 negara ahli itu sedang berhadapan dengan cabaran yang sangat penting.

Perbincangan kali ini dijangka tertumpu kepada pengintegrasian ASEAN dan persaingan ekonomi dalam lingkungan yang lebih meluas yang mempengaruhi rantau ini. Sidang kemuncak ke-4 ini juga dijangka memeterai Perjanjian E-ASEAN.

Para menteri ASEAN dijadualkan mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea Selatan semasa Mesyuarat ASEAN + 3 untuk mengkaji bagaimana ketiga-tiga rakan dialog itu dapat bekerjasama dengan ASEAN dalam menghadapi cabaran.

Para pemimpin ASEAN diraikan

REPUBLIK SINGAPURA, 23 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama pemimpin-pemimpin ASEAN yang lain menghadiri Majlis Makan Malam Tidak Rasmi sempena Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Ke-4 di Republik Singapura.

Berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Majlis yang berlangsung di Hotel Shangri-La itu turut dihadiri oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Pemimpin ASEAN bincang dengan pemimpin China, Korea dan Jepun

REPUBLIK SINGAPURA, 24 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama pemimpin-pemimpin ASEAN yang lain berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak ASEAN + 3 yang berlangsung di Hotel Shangri-La di sini.

Di sidang kemuncak itu, Republik Rakyat China diwakili oleh Perdana Menteri, Tuan Yang Terutama Tuan Zhu Rongji; Jepun pula diwakili oleh Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Tuan Yoshiro Mori; sementara Republik Korea diwakili oleh Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Presiden Kim Dae-Jung.

Di mesyuarat tersebut, para pemimpin berkenaan bincang mengenai kerjasama dan masa depan ASEAN dengan para pemimpin Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea di samping bertukar-tukar pandangan mengenai

perkembangan politik, keselamatan dan ekonomi di rantau ini.

Terdahulu dari itu, para pemimpin Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea menyertai pemimpin-pemimpin ASEAN bagi menghadiri Majlis Makan Tengah Hari.

Pada sebelah malam, baginda berkenan berangkat bersama pemimpin-pemimpin ASEAN dan para pemimpin Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea ke Majlis Santap Malam.

Majlis tersebut diberikan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong dan Puan Goh Chok Tong.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri serta menteri-menteri luar, menteri-menteri ekonomi dan Setiausaha Agung ASEAN.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri semasa berangkat ke Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Ke-4 di Republik Singapura. - Gambar oleh Hafim HS

SIDANG KEMUNCAK APEC 2000



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendahului bagi menurunkan tandatangan di Skrol APEC selaku pemimpin tuan rumah Persidangan APEC 2000.



BAGINDA berkenan mengalu-alukan Perdana Menteri Australia, Tuan Yang Terutama Tuan John Howard MP di Kelab Polo Jerudong (atas).

BAGINDA bersama Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Chuan Leekpai melambatkan tangan ketika mengalu-alukan pemimpin ekonomi APEC ke Majlis Retreat (kiri).



KENANGAN manis, baginda bersama Presiden Amerika Syarikat, Presiden Republik Chile, Perdana Menteri New Zealand dan Perdana Menteri Republik Singapura sempat merakamkan gamabr kenangan di sekitar Kelab Polo Jerudong (atas).

PRESIDEN Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Presiden William J. Clinton menurunkan tandatangan di Skrol APEC 2000 seurus tiba di Kelab Polo Jerudong (kiri).



PRESIDEN Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin (kiri); Presiden Kesatuan Russia, Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir Putin (tengah) dan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Tuan Yoshiro Mori (kanan) menurunkan tandatangan masing-masing di Skrol APEC 2000 seurus ketibaan di Kelab Polo Jerudong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Presiden Peru, Tuan Yang Terutama Presiden Alberto Kenyo Fujimori.

Pameran Lukisan Artis Muda APEC

BERAKAS, 15 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melancarkan Pameran Lukisan Artis Muda APEC di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Pameran Lukisan Artis Muda APEC yang mengumpulkan pelukis-pelukis berumur di bawah 25 tahun daripada 21 ekonomi termasuk peserta daripada negara tuan rumah memamerkan lukisan pelbagai tema yang bersangkutan dengan APEC.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia beserta ketua-ketua ekonomi juga menyaksikan dan beramah mesra dengan peserta-peserta yang mengambil bahagian.

"Saya sangat bertuah kerana logo yang bertemakan 'simpur' dipilih untuk logo APEC 2000 dan diberi penghormatan untuk menyertai pameran ini," jelas Awang Abdul Rahman pencipta logo APEC bagi Mesyuarat Ke-8 Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di sini.

Arkitek Jabatan Kerja Raya itu berkata, idea memilih simpur sebagai logo itu berdasarkan pada bentuk dan warna bunga serta daunnya yang mempunyai pengertian tersendiri, lebih-lebih lagi ia merupakan satu spesies tumbuhan yang familiar dan memberi faedah kepada masyarakat.

Sementara itu, lukisan bertema 'The Vanishing Heritage' hasil peserta tempatan, Pengiran Kamarul Zaman berjaya memukau ketua-ketua ekonomi APEC.

Lukisan yang menggambarkan perniagaan di

OLEH SAMLE HJ
DAN BOLHASSAN HAB

Negara Brunei Darussalam yang bermula di air itu menjadikan 'padian' sebagai satu simbol kerajinan, ketabahan dan sumber rezeki orang-orang Brunei dahulu.

Pelukis berbakat yang pernah menerima anugerah dari Kumpulan Philip Morris ini juga menampilkan perkembangan perniagaan masyarakat Brunei terus wujud dan menerima cabaran dengan arus permodenan, sekalipun telah melenyapkan unsur-unsur perniagaan menggunakan padian.

'Lampu Dinding' hasil Muhammad Ekhsan Md. Hanif peserta dari Malaysia pula menyampaikan mesej sifat manusia yang tidak kekal dan mempunyai sifat berlawanan daripada semua aspek termasuk kesenangan - kesusahan, kekayaan - kemiskinan termasuk kehidupan - kematian.

Mahasiswa dari Universiti MARA itu ketika ditemu bual berkata, 'lima lampu dinding' yang menjadi tanda tanya ketua-ketua ekonomi itu adalah simbolik bagi tanggungjawab orang Islam kepada Allah.

Ketika ditanya mengenai pameran yang mengumpulkan pelukis daripada ekonomi anggota APEC, Ekhsan berkata, ia merupakan satu inisiatif yang bijak oleh negara tuan rumah bagi melibatkan golongan artis muda negara-negara ekonomi bagi sama-sama berperanan dalam APEC melalui media lukisan.

Perjumpaan dua hala

JERUDONG, 16 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Presiden Peru, Tuan Yang Terutama Presiden Alberto Kenyo Fujimori, di Kelab Polo Jerudong.

Di majlis perjumpaan itu, baginda dan Tuan Yang Terutama telah membincangkan perkara-perkara dua hala dan APEC di samping bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa.

Tuan Yang Terutama Presiden Peru itu bera-



da di negara ini bagi menyertai mesyuarat pemimpin-pemimpin ekonomi APEC 2000.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia hari ini mempengerusikan Mesyuarat Tidak Formal bagi ketua-ketua ekonomi sebelum menyampaikan titah Deklarasi APEC Negara Brunei Darussalam yang menandakan berakhirnya Persidangan APEC yang berlangsung di negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima cenderamata dari Pengerusi Pameran Lukisan Artis Muda APEC, Awang Haji Idris bin Haji Abbas sejourus baginda melancarkan pameran tersebut (atas). Sementara gambar kiri, baginda berkenan menerima junjung ziarah dan menyaksikan lukisan seorang artis muda APEC.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima penerangan ringkas mengenai lukisan yang dilukis oleh seorang artis muda dari negara anggota APEC (bawah kiri). Sementara gambar bawah kanan, seorang artis muda tekun menyiapkan lukisannya untuk dipamerkan sempena APEC 2000.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah ketika berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha bagi menghadiri Sidang Kemuncak OIC Kali Ke-9.



DULI Yang Teramat Mulia ketika mendengar ucapan pembukaan rasmi yang dilancarkan oleh Amir Qatar, Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani yang juga selaku Pengerusi Persidangan Kemuncak Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) Kali Ke-9 yang berlangsung di Doha, Qatar pada 12 hingga 14 November, 2000.



Gambar-gambar dirakamkan oleh Haji Masmaleh HMA

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima mengadap Menteri Luar Republik Tunisia, Tuan Yang Terutama Tuan Habib Ben Yahia (kiri) dan Menteri Luar Republik Togo, Tuan Yang Terutama Tuan Koffi Panou (bawah kiri).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima mengadap Presiden Republik Benin, Tuan Yang Terutama Presiden Mathieu Kerekou; Presiden Republik Gabon, Tuan Yang Terutama Presiden El Hadj Omar Bongo; Menteri Luar Republik Macedonia, Tuan Yang Terutama Tuan Aleksandar Dimitrov; Ahli Majlis Presiden Bosnia Herzegovina, Tuan Yang Terutama Dr. Genjac dan Tuan Yang Terutama Tuan Mamadou Toudja dari Republik Nigeria (bawah kiri, bawah tengah, bawah kanan, bawah kiri sekali dan bawah kanan sekali).



DULI Yang Teramat Mulia ketika mengadakan perjumpaan dua hala dengan Amir Qatar, Yang Teramat Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani.



SIDANG KEMUNCAK OIC DI DOHA, QATAR



Puteri Kebawah DYMM rasmi Persidangan Kejururawatan

BERAKAS, 19 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah berkenan berangkat merasmikan Persidangan Kejururawatan Antarabangsa Kali Ke-4.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini dijunjung oleh Pengetua Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Dayang Suraya Noraidah binti Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Persidangan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bolkiah.

Dayang Suraya Noraidah dalam sembah alu-aluannya di majlis ini antaranya menggariskan tujuan persidangan diadakan iaitu untuk menimbang strategi-strategi bagi memastikan kemajuan dalam mencapai kecemerlangan dalam profesion kejururawatan.

Di samping itu, persidangan juga katanya, akan memberikan peluang bagi para jururawat menerokai pelbagai dimensi dan peralihan paradigma dalam profesion kejururawatan di samping

mengetengahkan pendidikan kejururawatan dan penyelidikan ke arah penjagaan yang berkualiti.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin yang juga memulakan bacaan Surah Al-Faatihah di awal majlis. Persidangan selama empat hari ini disertai oleh lebih 600 orang perwakilan termasuk 75 orang perwakilan luar negeri daripada 16 buah negara iaitu Russia, New Zealand, Geneva, Pakistan, Republik Islam Iran, Sweden, Malaysia, Republik Singapura, Republik Indonesia, Republik Filipina, United Kingdom, Kanada, Amerika Syarikat, Thailand, Arab Saudi dan Australia.

Ianya dianjurkan oleh Maktab Jururawat PAPRSB dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dengan tema 'Komitmen Ke Arah Perubahan Amalan di Alaf Baru'.

Sempena persidangan ini, satu pameran perdagangan juga diadakan yang disertai oleh kira-kira 20 buah syarikat perniagaan tempatan dan luar negeri.

Oleh Siti Muslihat HS



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah semasa berangkat merasmikan Persidangan Kejururawatan Antarabangsa Ke-4. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bolkiah. - Gambar oleh Ramli Tengah.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah ketika bersabda merasmikan Persidangan Kejururawatan Antarabangsa Kali Ke-4 di ICC pada 19 November yang lalu. - Gambar oleh Ramli Tengah.

BERAKAS, 19 November. - Para jururawat di alaf baru ini disaran supaya membuat pendekatan rawatan penjagaan daripada perspektif yang berlainan serta mengemaskini dan mengkaji semula pengetahuan dan amalan di samping berani membuat perubahan dalam memberikan rawatan melalui "penyelidikan dan pendidikan yang berkualiti".

Perkara tersebut telah ditekankan oleh puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Para jururawat diseru : Perlu berani buat perubahan

Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah semasa bersabda merasmikan Persidangan Kejururawatan Antarabangsa Kali Ke-4.

"Ketika perkembangan-perkembangan dan penemuan-penemuan baru giat dilaksanakan dalam teknologi dan sains perubatan dan juga melalui teknologi maklumat dan media, para jururawat mestilah bertindak mengikut perubahan dalam persekitaran yang berbeza di mana mereka ditugaskan.

Mereka harus menerima cabaran-cabaran pertambahan pengetahuan melalui penglibatan ke arah membuat perubahan dan inovasi yang akan memperbaiki kualiti penjagaan pesakit," sabda Yang Teramat Mulia.

Menurut Yang Teramat Mulia, komitmen ke arah perubahan amalan di kalangan jururawat tidak akan efektif melainkan para jururawat bersedia menerima cabaran-cabaran perubahan.

Untuk menghadapi cabaran-cabaran sabda Yang Teramat Mulia lagi, para jururawat mestilah bersedia untuk membekalkan diri dengan pengetahuan terkini dan menggunakannya di mana bersesuaian

an di tempat kerja.

"Para jururawat dan para profesional penjagaan kesihatan yang lain hendaklah bekerjasama dan bertanggungjawab secara kolektif dalam memenuhi matlamat Rancangan Rawatan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan ke arah memberi penjagaan yang cemerlang kepada setiap individu dan masyarakat.

Ini kerana para jururawat sentiasa menjadi tulang utama dalam aspek-aspek penjagaan perkhidmatan kesihatan. Ke arah itu, mereka mestilah terlibat dalam membuat penentuan dan dasar di kalangan kelompok profesional kesihatan," tegas Yang Teramat Mulia lagi sebelum mengakhiri sabda di majlis ini.

Berangkat ke majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bolkiah.

Rasmikan pejabat Suruhanjaya Tinggi Kanada yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 November. - Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna semasa berkenan berangkat merasmikan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Kanada yang baru di ibu negara.

dan Yang Berhormat Tuan John Manley, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kanada telah membuka rasmi pejabat Suruhanjaya Tinggi Kanada yang baru di ibu negara.

Sebelum majlis pembukaan bersama, Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Yang Berhormat dan membincangkan perkara-perkara dua hala di samping bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa.

Yang Teramat Mulia dalam sabdanya sebelum acara perasmian, melahirkan kepercayaan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Kanada akan terus menjalin hubungan persahabatan dan muhibah yang sudah wujud di kalangan rakyat di samping mengukuhkan kerjasama yang substantif.

Menyentuh mengenai lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan September lepas, Yang Teramat Mulia berharap ianya akan membuka jalan ke arah kerjasama yang lebih bermakna.

Sementara itu, Yang Berhormat Tuan John Manley dalam ucapannya terdahulu juga menyifatkan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Kanada itu sebagai usaha ke arah pengukuhan hubungan dan memberikan momentum bagi inisiatif-inisiatif baru dalam pelbagai sektor termasuk

Oleh Siti Muslihat HS

perdagangan dua hala, pelaburan dan pertukaran pendidikan.

Yang Teramat Mulia bersama Yang Berhormat Tuan John Manley seterusnya membuka rasmi pejabat suruhanjaya yang baru yang terletak di tingkat lima sebuah bangunan di Jalan Mc Arthur berhadapan dengan keindahan Kampong Ayer.

Majlis Pembukaan Rasmi Pejabat Suruhanjaya Tinggi Kanada juga diselenggarakan dengan perasmian laman web Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam yang boleh dilayari melalui <http://www.dfait.maeci.gc.ca/Brunei>.

Yang Berhormat Tuan Manley berada di negara ini sebagai wakil kepada Perdana Menteri Kanada, Yang Amat Berhormat Tuan Jean Chretien bagi menghadiri Sidang Kemuncak APEC di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis ini ialah Tuan Yang Terutama Tuan Neil Reeder, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam. Suruhanjaya Tinggi Kanada telah dibuka di Negara Brunei Darussalam dalam tahun 1996.



BARISAN pemimpin ekonomi APEC ketika merakamkan gambar sebelum berlangsungnya Majlis Retreat di Dewan Banquet yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah (atas kiri dan kanan).

BAGINDA ketika sebelum pentas



BAGINDA diberikan ucapan tahniah oleh TYT Presiden Jiang Zemin sejezus baginda membacakan Deklarasi APEC 2000 Negara Brunei Darussalam (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan membacakan Deklarasi APEC 2000 Negara Brunei Darussalam yang merupakan penutup Persidangan APEC 2000.



Persidangan Kemuncak APEC 2000



BAGINDA menerima ucap tahniah daripada Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Republik Filipina selepas baginda membacakan Deklarasi APEC 2000 (atas dan atas kanan).



WAKIL dari China Taipei, Presiden Republik Chile dan Presiden Mexico berjalan menuju Golfers Lounge selepas Majlis Retreat (atas dan kanan).



TIMBALAN Perdana Menteri Vietnam, Tuan Yang Berkebab, berbilang sesuatu dengan beliau selepas Majlis Retreat.



Empengkerusikan Majlis Retreat yang merupakan tradisi dalam Persidangan APEC dan Deklarasi APEC.



BERIRINGAN..... Para pemimpin ekonomi APEC membuat perjalanan menuju ke Golfers Lounge untuk menikmati makan tengah hari selepas Majlis Retreat.

ngan ak 000



REKA bentuk persekitaran Dewan Banquet Kelab Polo Jerudong yang sangat menarik di mana 20 pemimpin APEC hadir di Majlis Retreat telah berjaya menghasilkan Deklarasi APEC 2000 Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Menyampaikan Kepada Masyarakat' (kanan).

BAGINDA berbincang sesuatu dengan Presiden Jiang Zemin sebelum Majlis Retreat berlangsung (kiri).



BARISAN pemimpin APEC dengan penuh perhatian memberi tumpuan semasa Majlis Retreat di Kelab Polo Jerudong.

ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1421H/BERSAMAAN 2000M

ADALAH dimaklumkan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa :

1. Menurut Mazhab Syafie, zakat fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan oleh penduduk sesebuah negeri itu. Di Negara Brunei Darussalam beras adalah makanan yang biasa dan asasi dimakan oleh penduduknya.
2. Ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa bagi penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu Beras Wangi dan Beras Siam. Kedua-dua harga beras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Menurut Mazhab Hanafi, sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilai wang.
4. Oleh kerana ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di negara ini, maka Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di negara ini bagi tahun 1421H bersamaan 2000M ialah 2 kilo 268 gram atau dengan nilai wang seperti berikut :

- (i) jika Beras Wangi \$2.84 (ii) jika Beras Siam \$1.93
(Dengan nilai wang ini bertaklid kepada Mazhab Hanafi).

5. Adalah harus yakni sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan salah satu kategori beras (Beras Wangi atau Beras Siam).

6. Dalam pada itu, sesiapa juga yang suka dari kalangan mereka yang memakan Beras Siam dan lebih-lebih lagi yang menjadi makanan biasanya ialah Beras Wangi adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya itu dengan Beras Wangi berdasarkan ukuran mutu bagi satu qaul adalah pada harganya, iaitu sebagai berlemah lembut dan tanda belas kasihan kepada orang-orang miskin.

7. Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai masuk matahari akhir bulan Ramadan (malam Hari Raya Aidilfitri) hingga imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus Zakat Fitrah dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan (puasa).

BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1421H BERSAMAAN 2000M (NILAIAN BERAS)

BIL.	RAMAI ORANG	ZAKAT FITRAH YANG WAJIB DIKELUARKAN	
		KILO	GRAM
1.	Seorang	2	268
2.	2 orang	4	536
3.	3 orang	6	804
4.	4 orang	9	72
5.	5 orang	11	340
6.	6 orang	13	608
7.	7 orang	15	876
8.	8 orang	18	144
9.	9 orang	20	412
10.	10 orang	22	680
11.	11 orang	24	948
12.	12 orang	27	216
13.	13 orang	29	484
14.	14 orang	31	752
15.	15 orang	34	20
16.	16 orang	36	288
17.	17 orang	38	556
18.	18 orang	40	824
19.	19 orang	43	92
20.	20 orang	45	360
21.	21 orang	47	628
22.	22 orang	49	896
23.	23 orang	52	164
24.	24 orang	54	432
25.	25 orang	56	700
26.	26 orang	58	968
27.	27 orang	61	236
28.	28 orang	63	504
29.	29 orang	65	772
30.	30 orang	68	40

BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1421H BERSAMAAN 2000M (NILAIAN BERAS) SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (NILAIAN WANG)

BIL.	RAMAI ORANG	ZAKAT FITRAH YANG WAJIB DIKELUARKAN	
		Beras Siam	Beras Wangi
1.	Seorang	\$1.93 sen	\$2.84 sen
2.	2 orang	\$3.86 sen	\$5.68 sen
3.	3 orang	\$5.79 sen	\$8.52 sen
4.	4 orang	\$7.72 sen	\$11.36 sen
5.	5 orang	\$9.65 sen	\$14.20 sen
6.	6 orang	\$11.58 sen	\$17.04 sen
7.	7 orang	\$13.51 sen	\$19.88 sen
8.	8 orang	\$15.44 sen	\$22.72 sen
9.	9 orang	\$17.37 sen	\$25.56 sen
10.	10 orang	\$19.30 sen	\$28.40 sen
11.	11 orang	\$21.23 sen	\$31.24 sen
12.	12 orang	\$23.16 sen	\$34.08 sen
13.	13 orang	\$25.09 sen	\$36.92 sen
14.	14 orang	\$27.02 sen	\$39.76 sen
15.	15 orang	\$28.95 sen	\$42.60 sen
16.	16 orang	\$30.88 sen	\$45.44 sen
17.	17 orang	\$32.81 sen	\$48.28 sen
18.	18 orang	\$34.74 sen	\$51.12 sen
19.	19 orang	\$36.67 sen	\$53.96 sen
20.	20 orang	\$38.60 sen	\$56.80 sen
21.	21 orang	\$40.53 sen	\$59.64 sen
22.	22 orang	\$42.46 sen	\$62.48 sen
23.	23 orang	\$44.39 sen	\$65.32 sen
24.	24 orang	\$46.32 sen	\$68.16 sen
25.	25 orang	\$48.25 sen	\$71.00 sen
26.	26 orang	\$50.18 sen	\$73.84 sen
27.	27 orang	\$52.11 sen	\$76.68 sen
28.	28 orang	\$54.04 sen	\$79.52 sen
29.	29 orang	\$55.97 sen	\$82.36 sen
30.	30 orang	\$57.90 sen	\$85.20 sen

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	BANDAR SERI BEGAWAN 'A' Mengandungi :	1. Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abd. Hamid.	Di Masjid Omar Ali Saifuddin.
1.	Bolkiah Kem dan sekitarnya (yang bukan terdiri daripada ABDB dan keluarganya);		
2.	Istana Edinburgh;	2. Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Zainuddin bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Mohd. Tamin	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
3.	Jalan Perayaan;	3. Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Metassan bin Haji Tahir.	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
4.	Jalan Merdeka;		
5.	Jalan Bahagia;		
6.	Jalan Rakis;		
7.	Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Airport Lama	4. Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
8.	Kedai-kedai Bandar Seri Begawan		
9.	Jalan Residency;		
10.	Barik Hospital		
11.	Pusat Ulak;		
12.	Jalan Maharaja Lela;	5. Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim.	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
13.	Batu 1 Jalan Tutong hingga simpang Istana Darul Hana;		
14.	Jalan Telepok;		
15.	Jalan Melabau;		
16.	Jalan Temangong;		
17.	Jalan Tapak Kuda;		
18.	Jalan Senuai;		
19.	Dari simpang Jalan Gadong hingga ke Jambatan Gadong;		
20.	Jalan Kumbang Pasang;		
21.	Jalan Ong Sum Ping;		
22.	Jalan Jawatan Dalam;		
23.	Jalan Mabohai;		
24.	Jalan Sekolah;		
25.	Jalan Dato Marsal;		
26.	Woksyop JKR;		
27.	Jalan Lintang;		
28.	Jalan Simpang Sekolah.		
29.	Jalan Tongkadeh;	6. Mudim Awang Haji Mat Salleh bin Haji Damit	Di Masjid Omar Ali Saifuddin.
30.	Jalan Padang;		
31.	Jalan Dato Taib;		
32.	Jalan Dato Isa;	7. Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh	Di Masjid Omar Ali Saifuddin.
33.	Jalan Tasek;		
34.	Jalan Tasek Lama hingga Terrace Hotel;		
35.	Jalan Stoney;		
36.	Jalan Dato Ibrahim;		
37.	Jalan Istana Darussalam;		
38.	Kampung Pengiran Pemanca Lama;		
39.	Kampung Sungai Kedayan A dan B;		

40. Jalan Istana Darussalam;		
41. Kampung Ujong Tanjung;		
42. Kampung Kuala Sungai Peminyak;		
2. BANDAR SERI BEGAWAN 'B' Mengandungi:	Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Salleh (Ketua Kampung Madewa Telanai).	Di Rumah Amil
a) Simpang Istana Darul Hana hingga ke Kilometer 6, Jalan Tutong;		
b) Kampung Telanai;		
c) Kampung Madewa		
3. BANDAR SERI BEGAWAN 'C' Mengandungi:	Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Haji Awang Omar.	Di Surau Istana.
a) Istana Nurul Iman,		
b) Istana Darul Hana dan sekitarnya		
Mendahului senarai penerima ialah Awang Haji Abdul Wahab bin Juned, Awang Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail, Awang Osman bin Haji Abdul Ghafar, Awang Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafar dan Awang Johan Thani bin Haji Abdullah.

DI HARI KETIGA

Pada hari ketiga, 25 November, seramai 39 menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK), Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) kepada

seramai 144 orang, Pingat Kerja Lama (PKL) kepada 207 orang dan Pingat Kerja Lama Polis (PKLP) kepada 86 orang anggota polis dan Pingat Panglima Lasgar (PL) kepada 22 orang anggota polis.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Juga berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, timbalan-timbalan menteri, para perwakilan asing, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) kepada sebahagian pegawai dan kakitangan kerajaan.

Kerjasama luas ditingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 November. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China berkongsi komitmen terhadap matlamat Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) terutama dalam meningkatkan kerjasama yang lebih luas di rantau tersebut.

Dalam hubungan itu, mesyuarat peringkat tertinggi mengenai pembangunan tenaga manusia akan dipengerusikan bersama oleh kedua-dua buah negara pada tahun hadapan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian di Majlis Persantapan Negara bagi meraikan lawatan negara Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin, Presiden Republik Rakyat China dan Madam Wang Yeping.

Di majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengalu-alukan hubungan baik dua hala yang sedia terjalin sambil berharap ia dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

"Lawatan TYT menggambarkan hubungan erat antara kedua-dua negara kita dan akan membawa hubungan dua hala ke peringkat yang tertinggi.

Oleh Sahari Akim
dan Abu Bakar HAR

Adalah menjadi harapan beta, ia akan menjadi pendorong untuk kita meluas dan mendalamkan lagi hubungan kita," tegas titah baginda.

Ketika bertitah baginda juga mengalu-alukan penandatanganan perjanjian mengenai Kawalan Pelaburan dan Memorandum Persefahaman Mengenai Pelan Pelaksanaan Perjalanan Keluar rakyat China ke Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu dari itu, baginda bertitah menyentuh mengenai hubungan persahabatan dan pertukaran antara rakyat kedua buah negara sejak lebih dari seribu tahun yang lalu.

Baginda juga menyifatkan lawatan negara TYT itu menandakan satu lagi sejarah penting dalam hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Sementara itu dalam ucapan balasnya, TYT Presiden Jiang Zemin antara lain berkata, negaranya mengekalkan dasar bahawa

setiap negara tanpa mengira saiz adalah sama-sama mempunyai hak sebagai komuniti antarabangsa yang harus hidup dalam harmoni, bersahabat, bekerjasama antara satu dengan lain untuk pembangunan bersama.

"Adalah menjadi dasar Republik Rakyat China untuk meningkatkan hubungan setia kawan dan kerjasama dengan Negara Brunei Darussalam atas lima dasar prinsip terhadap kemakmuran dan keharmonian," tegas Tuan Yang Terutama.

Republik Rakyat China tambahna, sentiasa bersedia meningkatkan semua kerjasama politik, ekonomi, sosial dan bidang-bidang lain seperti yang terkandung dalam pernyataan bersama bagi mengekalkan kordinasi dan kerjasama dalam isu-isu serantau dan antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat mengadakan lawatan ke Republik Rakyat China pada bulan Ogos tahun lepas.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1991.

5 anggota APEC t-tangani perjanjian pengangkutan udara secara terbuka

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 16 November. - Sebanyak lima buah negara anggota APEC hari ini mengumumkan persetujuan bagi dasar perjanjian pelbagai hala mengenai sikap dasar terbuka dalam pengangkutan udara antarabangsa.

Negara-negara yang terlibat di dalam perjanjian pengangkutan udara secara terbuka yang pertama seumpamanya di dunia sebagai langit terbuka itu ialah Brunei Darussalam, Chile, New Zealand, Republik Singapura dan Amerika Syarikat.

Hadir mewakili negara masing-masing di Majlis Kenyataan Bersama Dasar Terbuka Bagi Pengangkutan Udara Antarabangsa yang dilangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Metassan bin Haji Daud selaku wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Awang Haraldo Munoz, Setiausaha Tetap Hal Ehwal Luar Negara Chile.

Sementara mewakili Kerajaan Amerika Syarikat ialah Setiausaha bagi Hal Ehwal Ekonomi dan Perdagangan, Awang Allan Larson manakala mewakili Republik Singapura ialah Awang Lee Chiong Giam selaku Timbalan Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Awang John Woo, Timbalan Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Bagi Kerajaan New Zealand.

Dalam merundingkan perjanjian tersebut, Kerajaan Negara Brunei Darussalam menyedari bahawa pengangkutan udara memainkan peranan yang penting dalam menyumbangkan kepada ekonomi global.

Menyadari pentingnya di bidang penerbangan ini secara tidak langsung ia boleh menyumbang kepada ekonomi negara di mana pengangkutan udara ini sahaja dianggarkan menyumbang lebih 1 trilion ringgit di dalam aktiviti ekonomi global di samping menyedai lebih 22 juta pekerja.

Menurut kenyataan bersama yang dikeluarkan semasa berlangsungnya majlis tersebut, menyebutkan dengan jangkaan pertumbuhan dalam tuntutan bagi perkhidmatan udara, Kerajaan Negara Brunei Darussalam patutlah mencari jalan-jalan baru bagi menggalakkan pembangunan di dalam perkhidmatan udara di bawah syarat-syarat pemasaran.

Dengan mengekalkan kegiatan dan persaingan sistem pengangkutan udara tersebut akan mendatangkan keberuntungan kepada ekonomi negara hasil daripada perkembangan perdagangan dan perniagaan antarabangsa yang meliputi pertumbuhan e-dagang.

Perjanjian tersebut juga akan mendatangkan faedah yang tidak boleh didapati pada sistem dua hala dengan memperbaiki kebolehan sistem penerbangan dan mencapai pasaran model antarabangsa

yang melimpahi sempadan dengan mewujudkan bentuk mekanisme bagi memperkembangkan peluang-peluang pertukaran penerbangan dan mengesahkan negara-negara tersebut untuk lebih terbuka dalam hubungan penerbangan antara-bangsa.

Mereka percaya perjanjian pelbagai hala itu merupakan sebagai dasar persefahaman untuk membolehkan penerbangan tersebut akan menjadi asas kepada sesuatu usaha untuk berfikir terbuka bagi pengangkutan udara dan menjana pertumbuhan ekonomi serta menciptakan sistem pengangkutan udara yang lebih berkesan bagi memenuhi keperluan penumpang, pengusaha-pengusaha dan e-dagang di abad 21.

Kelima-lima buah negara anggota APEC ini juga mengalu-alukan dan menggalakkan anggota negara-negara ekonomi yang lain di dalam APEC serta negara-negara dunia yang lainnya untuk mempelajari daripada perjanjian pelbagai hala ini di samping menggalakkan mereka untuk menyertainya.



PRESIDEN Republik Rakyat China, TYT Presiden Jiang Zemin semasa mengadakan lawatan ke Bangunan Alai Kebesaran Diraja semasa TYT membuat lawatan negara pada 17 dan 18 November ke Negara Brunei Darussalam.

Brunei - Russia tandatangani Protokol Konsultasi Dua Hala

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 15 November. - Majlis Menandatangani Protokol Konsultasi Dua Hala di antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dengan Persekutuan Russia diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) sempena Persidangan APEC 2000.

Protokol Konsultasi Dua Hala tersebut telah ditandatangani oleh Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Tuan Alexander Losyukov, Timbalan Menteri Persekutuan Russia.

Protokol Dua Hala itu akan menjadi mekanisme untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua hala dan kerjasama dalam bidang-bidang yang menjadi kepentingan bersama kedua-dua buah negara.

Pertukaran dan perlantikan pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Perkhidmatan Awam memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pegawai-pegawai berikut :-

Awang Haji Sapawi bin Bolhassan, Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara di Jabatan Teknologi dan Stor

Negara, ditukar ke Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sebagai Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pengurusan mulai 20 November, 2000.

Awang Haji Mahmud bin Haji Daud, Pengurus Perkhidmatan Komputer di Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, dilantik untuk memegang jawatan Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara di Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara mulai 20 November, 2000.

وقت ۲ مسجدهای باکی دایره توتوغ (تعبه سالو مینیت دات دایره بلا پت (تعبه تیگ مینیت، مسجدهای فروش جمعه لعلوروو لکارا برولی دارالسلام
لمولای دری فوکل 12 45 نهاره.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihi Waman Walah.

PUASA bulan Ramadan adalah di antara ibadat-ibadat yang disyariatkan kepada umat Islam yang mempunyai pelbagai hikmat dan kemalahatan, baik dari segi kerohanian mahupun jasmani bahkan juga dari segi kemasyarakatan.

Bulan Ramadan juga adalah merupakan tetamu agung umat Islam, bulan yang membawa keampunan, rahmat, kebajikan dan berkat. Kita patut merebut peluang yang ada dan mendapatkan kelebihan setiap ibadat yang dilakukan di dalamnya. Di samping itu juga kita hendaklah mempersiapkan diri dengan hukum-hukum puasa Ramadan yang dituntut di dalam syarak, seperti memperdalam pengetahuan terhadap rukun-rukun dan perkara-perkara yang boleh merosakkan atau membatalkan puasa. Antara beberapa permasalahan penting yang kita perlu ketahui dengan lebih mantap ialah:

i. BAGAIMANA MELAKSANAKAN NIAT PUASA

Bila membincangkan soal ibadat perkara yang penting diam-bil perhatian ialah niat. Tanpa niat ia tidak akan menjadi ibadat yang sah. Inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabda Baginda yang maksudnya:

"*Sesungguhnya amal perbuatan itu hanyalah dengan niat.*" (Hadis riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Nasa'ie dan Ibnu Majah).

Niat adalah salah satu daripada tiga rukun puasa. Ia diwajibkan sama ada puasa itu puasa wajib atau puasa sunat. Jika orang yang berpuasa itu meninggalkan niat puasa walaupun dia tidak mengetahui (jahil), maka puasa itu tidak sah.

Menurut Al-Imam As-Suyuthi di dalam kitabnya, niat itu tempatnya di hati (Al-Asybah Wan-Nazhair: 23). Manakala menurut pengarang Hasyiyah l'ana' at-Thalibin, sunat dilafazkan niat itu dengan lidah bagi membantu dalam hati sepertimana niat ibadat-ibadat yang lain.

Berdasarkan hadis di atas, kita dapat memahami bahawa puasa itu mesti ada niat yang khusus. Tidak memadai niat puasa itu dengan hanya makan sahur kerana mengelakkan lapar atau lemah ketika berpuasa. Niat puasa itu juga tidak memadai dengan hanya menahan dirinya daripada sesuatu yang membatalkan puasa kerana takut kedatangan fajar di mana orang berpuasa tidak dibenarkan melakukannya. Dari itu perbuatan seperti di atas hendaklah disertai dengan niat untuk mengerjakan puasa atau paling tidak ada lintasan di hati untuk berpuasa. (l'ana' At-Thalibin: 2/248-249)

Menurut Ibnu Katsir keadaan puasa orang-orang yang terdahulu (ahli kitab), jika tidak sampai waktu berbuka mereka boleh makan dan minum sehingga terbit fajar selama mana seseorang itu belum tidur. Ini berbeza dengan keadaan puasa orang Islam di mana mereka boleh makan dan minum termasuklah menggauli isteri sebelum terbit fajar sekalipun sesudah tidur. Puasa tidak batal dengan melakukan perkara-perkara tersebut. Begitu juga dengan niat puasa. Niat itu tidak akan terbatal dengan melakukan perkara-perkara di atas dan kita tidak perlu memperbaharui niat berkenaan.

BEBERAPA PERMASALAHAN PUASA RAMADAN

Bilangan 110
Bahagian Pertama

Manakala perempuan haid atau nifas yang berniat selepas terbenam matahari ketika belum kering darahnya untuk berpuasa keesokan harinya, lalu darahnya kering sebelum terbit fajar maka sah puasanya dengan niatnya itu dan tidak perlu memperbaharui niatnya, walaupun perempuan itu belum mandi hadas selepas terbit fajar.

Begitulah juga bagi mereka yang melakukan persetubuhan di malam hari puasa, apabila dia berniat di malam itu dan belum mandi junub (hadas besar) di siang hari, adalah sah puasa dengan niatnya itu.

Waktu berniat puasa Ramadan itu ialah setelah terbenam matahari dan sebelum terbit fajar sadik. Jika niat itu dilakukan setelah terbit fajar atau sebaya dengan terbit fajar puasa adalah tidak sah. Inilah yang dikatakan oleh para ulama bahawa niat itu mesti di waktu malam (tabyit), sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah Radiallahuanha dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"*Barangsiapa yang tidak berniat puasa sebelum terbit fajar sadik maka tidak ada puasa baginya.*" (Hadis riwayat Baihaqi dan Al-Daraquthni)

Manakala bagi puasa-puasa sunat pula, masa berniat itu mulai terbenam matahari hingga sebelum tergelincir matahari pada hari berikutnya selagi dia belum melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa daripada terbit fajar sadik pada hari tersebut, sebagaimana di dalam hadis yang diriwayatkan daripada 'Aisyah Radiallahuanha yang maksudnya:

"*Bersabda Rasulullah kepadaku pada satu hari: 'Wahai 'Aisyah, adakah di sisi kamu sesuatu (untuk dimakan)?' Maka aku ('Aisyah) berkata: 'Wahai Rasulullah tidak ada di sisi kita sesuatu pun (untuk dimakan).' Berkata (Rasulullah): 'Maka (kalau begitu) sesungguhnya aku seorang yang berpuasa.'*" (Hadis riwayat Muslim).

Adapun sekurang-kurangnya lafaz niat puasa Ramadan itu ialah: yang ertinya:

"*Sahaja aku puasa Ramadan.*"

Manakala niat yang lengkap pula ialah yang ertinya:

"*Sahaja aku puasa esok hari menunaikan fardu Ramadan pada tahun ini kerana Allah Taala.*"

Niat puasa itu wajib dilakukan pada tiap-tiap malam di dalam hati dan sunat dilafazkan, kerana ibadat puasa itu adalah ibadat berasingan yang masuk waktunya dengan terbit fajar sadik dan keluar waktunya dengan terbenam matahari. Ia dikira sehari sehari. Apabila rosak satu hari puasa itu, ia tidak merosakkan puasa yang terdahulu dan yang terkemudian.

الْإِسْرَارُ وَالْحُكْمُ

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Berniat pada tiap-tiap malam ini khusus bagi puasa wajib sahaja, iaitu puasa bulan Ramadan, nazar, kaffarah, qada dan fidyah haji. Masa berniat itu mulai terbenam matahari hinggalah sebelum terbit fajar sadik.

Di samping kita wajib berniat pada tiap-tiap hari, kita juga digalakkan untuk berniat dengan niat satu bulan penuh, itupun hanya di awal bulan Ramadan sahaja. Tujuannya ialah untuk berjaga-jaga kalau-kalau kita terlupa berniat pada malam-malam berikutnya dengan bertaklid kepada Mazhab Imam Malik. Maka dengan adanya kita berniat sebulan itu akan menampung niat pada hari yang kita lupa itu. Akan tetapi niat tersebut tidak akan dikira niat sebulan jika ia diniatkan setelah berlalu satu Ramadan. Contohnya orang yang berpuasa itu berniat dengan niat puasa sebulan pada hari kedua puasa, maka niat tersebut tidak sah.

Maka dalam hal ini, perkara penting yang mesti kita ambil perhatian ialah kita wajib berniat puasa pada tiap-tiap malam, dan sebaiknya kita juga berniat puasa sebulan pada permulaan Ramadan sebagai langkah berjaga-jaga kalau-kalau ada hari kita terlupa berniat.

Ini bererti niat pada tiap-tiap malam itu tidak boleh kita tinggalkan dengan sengaja kerana sudah berniat puasa sebulan adalah tidak memadai dan tidak sah puasa selain puasa hari pertama Ramadan jika ia dikerjakan dengan hanya berniat satu bulan sahaja tanpa disertai dengan niat puasa setiap hari.

Lafaz niat sebulan puasa itu ialah yang ertinya:

"*Sahaja aku puasa bulan Ramadan seluruhnya pada tahun ini kerana Allah Taala.*"

Bersambung

Penyampaian Sijil Nikah Kahwin

KUALA BELAIT, November. - Kadi Daerah Belait, Pengiran Haji Noor Asmawi mengingatkan mereka yang bermasalah supaya mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala.

Dengan berbuat demikian, katanya, hati mereka akan tenang dan segala masalah akan dapat diselesaikan dengan mudah. Beliau berucap demikian di Majlis Penyampaian Sijil Nikah Kahwin yang diadakan di Dewan Serbaguna Masjid Muhammad Jamalul Alam di sini.

Menurutnya setiap insan akan dicuba oleh Allah Subhanahu Wataala bagi menguji keimanan mereka. Dari itu beliau menyeru mereka yang bermasalah supaya bertaubat kepada Allah dengan mendekatkan diri ke masjid di samping menjauhkan diri daripada maksiat.

Katanya lagi, apabila mereka mendekatkan diri kepada Allah

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

masalah yang mereka hadapi itu akan menjadi pembimbing dan pengajaran supaya tidak mengu-langi perbuatan yang sama.

Majlis anjuran Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama takmir Masjid Muhammad Jamalul Alam diserikan dengan ceramah agama yang disampaikan oleh pegawai dari Pusat Da'wah Islamiyah, Ustaz Dr. Shahrini bin Abdul Kahar antara lain berkata, ikatan pernikahan adalah sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dengan bernikah katanya, akan mengangkat darjat umat manusia itu umpamanya sembahyang dua rakaat orang yang bernikah menyamai 70 rakaat sembahyang orang yang belum bernikah.

Beliau juga mengingatkan mereka yang hendak berkahwin supaya memilih pasangan mereka daripada kalangan keluarga yang mempunyai keturunan yang berkualiti dan mampu melahirkan zuriat yang ramai.

Seramai 40 pasangan yang baru berkahwin menerima sijil pada hari itu. Majlis dilaksanakan buat kali pertama bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para peserta yang sudah berumah tangga supaya mereka dapat mendampingi diri ke masjid di samping mendengar ceramah yang berhubung kait dengan rumah tangga.

Sebelum pasangan tersebut berkahwin mereka dikehendaki mengikuti kursus nikah sebanyak empat kali. Bahagian Pendaftaran Mahkamah Kadi tidak akan mengeluarkan sijil nikah jika peserta kursus kurang atau tidak menghadiri keempat-empat kursus

berkenaan.

Kursus diadakan setiap hari Sabtu di Dewan Masjid Muhammad Jamalul Alam di-kendalikan oleh Pegawai Kanan Bahagian Khidmat Nasihat Rumah Tangga (Keluarga Islam) Kuala Belait, Dayang Hajah Jainah binti Haji Sulaiman.

Antara kandungan kursus di minggu pertama termasuk bersuci, nikah, tujuan dan hukum bersuci, minggu kedua meliputi kewajipan suami isteri dan hukum bersuci, minggu ketiga mengenai poligami, isteri yang nusuk dan hukum bersuci dan minggu keempat mengandungi fardu ain dan hukum bersuci.

Tahun lepas lebih 400 pasangan menghadiri kursus seumpama itu di daerah ini. Walaupun kursus diadakan namun masalah perceraian suami isteri dalam rumah tangga tetap terjadi.



KADI Daerah Belait, Pg. Haji Noor Asmawi bin Pg. Haji Ahmad menyampai-kan sijil kepada seorang peserta yang menyertai Kursus Nikah Kahwin bagi pasangan yang akan mendirikan rumah tangga.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

LANGKAH-LANGKAH PERSEDIAAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM BILIK DARJAH

ISTILAH pembelajaran adalah merupakan proses perubahan tingkah laku yang agak tetap dan mempunyai pengalaman. Sementara istilah kooperatif pula ialah bekerjasama yang melibatkan pelajar lebih daripada seorang individu (secara berkumpulan). Jadi bolehlah disimpulkan bahawa pembelajaran kooperatif ini memfokuskan kepada pembelajaran secara berkumpulan yang mengutamakan kerjasama di antara sesama pelajar.

Di antara lain langkah-langkah persediaan pengelolaan pembelajaran kooperatif di dalam kelas ialah seperti berikut:

1. Menentukan jenis kumpulan murid atau pelajar. Dalam hal ini, kumpulan-kumpulan tersebut adalah berdasarkan kepada

i) Kumpulan pelajar mengikut kebolehan (homogenius) yang terdiri daripada tiga kategori iaitu kumpulan pelajar cerdas, sederhana dan lemah.

ii) Kumpulan pelajar pelbagai kebolehan (heterogenius), yang lebih merupakan percampuran di antara ketiga-tiga tahap pelajar yang tersebut (cerdas, sederhana dan lemah) di dalam satu kumpulan.

2. Menyediakan bahan pembelajaran yang relevan termasuklah alat-alat bantu mengajar atau sumber pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan tajuk pelajaran yang akan disampaikan.

Sebagai contoh: Bagi kumpulan mengikut kebolehan, penggunaan silang kata (puzzle) yang diedarkan kepada setiap kumpulan pelajar hendaklah mengikut tahap kebolehan masing-masing.


- pelajar yang cerdas diberikan latihan kerja kelas yang agak mencabar atau sukar untuk menguji kemampuan mereka sendiri.

- pelajar yang sederhana diberikan latihan kerja kelas yang agak sederhana sesuai dengan tahap kebolehan mereka.

- bagi mereka yang lemah pula diberikan latihan kerja kelas yang agak mudah supaya mereka dapat menjawabnya sesuai dengan kebolehan mereka juga.

Manakala bagi kumpulan pelbagai kebolehan pula, bolehlah diberikan aktiviti latihan secara pusingan, seperti rajah di bawah ini;

TAJUK: ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA



3. Menyusun tempat duduk para pelajar di dalam bilik darjah secara sistematik. Dalam hal ini, penyusunan tempat duduk mereka sama ada dengan menempatkan pelajar-pelajar yang cerdas dalam satu kelompok dan begitu juga dengan pelajar yang sederhana dan lemah ditempatkan bersama mereka yang sama tahap pencapaian mereka. Cara yang kedua pula ialah dengan menempatkan para pelajar mengikut kawasan. Ini bertujuan membolehkan pelajar-pelajar dapat bekerjasama di mana pelajar cerdas boleh membantu pelajar yang lemah.

Pembelajaran kooperatif

OLEH LIYANA SYAZWANI

Contohnya seperti rajah berikut:

a) Pelajar pelbagai kebolehan

2	3
3	1

1	2
2	3

1	2
3	1

a) Pelajar mengikut kebolehan

1	1
1	1

3	3
3	3

b) Pelajar mengikut kebolehan

2	2
2	2

** 1 - pelajar cerdas
2 - pelajar sederhana
3 - pelajar lemah

4. Menentukan jenis aktiviti penilaian:

Pelbagai cara boleh dilakukan untuk menilai pelajar seperti mengadakan sesi soal jawab, mengadakan kuiz, memberikan latihan dan sebagainya. Semuanya adalah terpulung kepada kreativiti guru itu sendiri untuk mempelbagaikan cara penilaian.

Kemudian bila selesai aktiviti pembelajaran kooperatif, hasil perolehan pelajar dibincangkan bersama dengan guru. Mana-mana hasil yang dikira baik dipamerkan sebagai motivasi dan galakan kepada para pelajar untuk meningkatkan kemahiran mereka.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN KOPERATIF DAN KEPENTINGANNYA KEPADA PARA PELAJAR DI SEKOLAH

Adapun tujuan utama pembelajaran kooperatif ini adalah untuk proses sosialisasi di dalam sekolah khususnya bagi pelajar-pelajar di samping mencapai kemahiran yang bertahap tinggi.

Dalam pada itu, di antara objektif pembelajaran kooperatif adalah seperti berikut;

1) Kemahiran pemikiran kreatif:

PELBAGAI cara boleh dilakukan untuk menilai pelajar seperti mengadakan sesi soal jawab, mengadakan kuiz, memberikan latihan dan sebagainya. Semuanya adalah terpulung kepada kreativiti guru itu sendiri untuk mempelbagaikan cara penilaian.

i. Mengamati set tajuk dengan gabungan idea antara pelajar.

ii. Mengeluarkan penyelesaian imaginatif.

iii. Set Idea - komen dan kritikan, membolehkan minda terbuka luas.

2) Kemahiran komunikasi:

i. Lisan - dengan cara membenteng, berhujah, menyoal dan sebagainya.

ii. Bertulis - dalam bentuk esei, laporan makmal, projek dan tugas.

iii. Membentuk penghargaan.

3) Kemahiran sosial:

i. Bekerjasama dengan orang lain - dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman.

ii. Tolong-menolong dan bantu-membantu antara sesama pelajar.

Di antara kepentingan pembelajaran kooperatif kepada para pelajar ialah:

1) Penyertaan aktif pelajar dalam kumpulan dan pendedahan yang berlawanan dengan pendapat mereka sendiri. Ini bererti para pelajar berani menampilkan kebolehan mereka mengeluarkan pendapat mereka tanpa menghiraukan sama ada ianya salah atau tidak.

2) Kritikan daripada rakan sebaya adalah perlu untuk perubahan sikap dan mengurangkan prejudis (salah tanggapan). Dengan cara sebegini dapat memupuk sikap menerima kesilapan diri di samping memperbetulkannya tanpa menimbulkan rasa iri hati.

3) Menyatukan perkembangan kognitif, efektif dan psikomotor individu pelajar yang bermakna dan bersesuaian. Ketiga-tiga komponen ini saling berkait rapat di dalam menghasilkan sesuatu aktiviti yang berkesan. Justeru itu, pelajar dapat mengambil manfaat daripadanya melalui pembelajaran kooperatif ini.

4) Mengelak daripada penempatan pelajar yang bermusuhan dalam kumpulan yang sama untuk menghasilkan kerja yang lebih baik. Sekurang-kurangnya tiada perselisihan faham terjadi bila berlakunya pencanggahan pendapat melalui kumpulan pelajar yang mempunyai pandangan yang serupa.

5) Meningkatkan tahap kepercayaan individu terhadap ahli-ahli yang lain serta gurunya. Dengan gabungan idea yang dikongsi bersama antara pelajar di dalam kumpulan, maka persepakatan pendapat tersebut diteguhkan dengan kebolehan dan persefahaman sesama mereka.

6) Keupayaan individu untuk meluahkan pendapat diri mereka sendiri. Pembelajaran kooperatif ini membuktikan bahawa setiap pelajar berusaha untuk mengasah mindanya bagi menyumbangkan pandangannya terhadap aktiviti pembelajaran. Dengan cara ini, pelajar akan lebih memahami dan berkeyakinan dengan tajuk pelajaran yang disampaikan oleh guru.



ROMBONGAN para isteri pemimpin APEC sejurus selepas ketibaan di Kampong Sungai Bunga dibawa menyaksikan persembahan tarian kebudayaan yang mengisahkan sejarah kampung itu.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri semasa menyertai lawatan para isteri pemimpin APEC ke Kampong Sungai Bunga Tanjung Kindana pada 16 November.

Isteri pemimpin APEC lawat tempat menarik



PARA isteri pemimpin APEC semasa mengadakan lawatan ke Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kampong Ayer menjadi tumpuan

BANDAR SERI BEGAWAN 16 November. - Ketika menteri-menteri ekonomi APEC dan menteri-menteri hal-Ehwal luar dan perdagangan menghadiri mesyuarat, isteri-isteri mereka mengadakan lawatan ke Kampong Ayer dan Kampong Sungai Bunga Tanjung Kindana.

Ketibaan mereka di jeti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dialu-alukan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan diseron dengan persembahan muzik tradisional hadrah dan gulingtangan oleh pelajar-pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Utara yang merupakan bekas juara gulingtangan antara sekolah-sekolah selama dua tahun berturut-turut.

Dari sana, rombongan berkenaan menaiki kapal khas bagi menyaksikan persekitaran suasana di Kampong Ayer sebelum menuju ke Kampong Sungai Bunga Tanjung Kindana.

Ketika sampai di jeti Kampong Sungai Bunga Tanjung Kindana, rombongan tersebut dialu-alukan oleh penduduk-penduduk kampung yang berbaris sepanjang jeti berkenaan.

Para pelawat juga dihajikan pacak telur dan bunga melur serta menandatangani plak lawatan, sementara kanak-kanak sekolah yang sedia berbaris di situ mendendangkan lagu 'Renjis-renjis Dipilis' sebagai mengalu-alukan ketibaan mereka.

Semasa berada di sana, rombongan berkenaan menyaksikan tunjuk cara kegiatan-kegiatan padian dan menangkap ikan cara tradisi 'merambat'. Selain itu mereka juga dihiburkan dengan persembahan tarian tradisi.

Rombongan berkenaan juga berkesempatan menyaksikan hasil kraf tangan dan perusahaan penduduk-penduduk mukim yang tinggal di kawasan yang berdekatan serta melawat Masjid Kampong

Sungai Bunga.

Masjid berkenaan dibina pada bulan Oktober 1996 dan siap keseluruhannya pada tahun 1998. Ianya boleh menampung 500 jemaah. Imam masjid berkenaan, Pengiran Md. Fadhillah bin Pengiran Mahmud menjelaskan antara aktiviti yang dilakukan di masjid tersebut termasuk kelas Al-Quran, Mukaddam, kursus fardu ain, fardu kifayah, Dikir Syarafil Anam.

Para penduduk di kampung itu juga membuat pameran mengenai kegiatan-kegiatan promosi pelancongan sempena Tahun Melawat Brunei 2001. Melalui lawatan itu para pelancong melihat lebih dekat lagi mengenai adat resam serta kebudayaan Negara Brunei Darussalam.

Kampong Sungai Bunga terletak di Pulau Berambang di antara Kampong Puduk dan Tanjung Kindana. Menurut penduduk di situ nama kampung berkenaan berasal daripada bau harum bunga melur yang datangnya dari sungai tersebut.

Kawasan perumahan yang ada di sana mengandungi 112 buah rumah dengan keramaian penduduk 200 orang. Projek pembinaannya bermula pada tahun 1995 dan siap pada tahun 1997. Antara kemudahan yang disediakan termasuk sekolah, masjid, pos polis, klinik dan kedai.

Sebelum menamatkan lawatan, para pelawat juga berpeluang menyaksikan perlumbaan perahu.

Dalam temu bual, wakil PELITA BRUNEI dengan Penghulu Mukim, Awang Haji Ismit bin Pengarah Haji Naim merasa kagum dengan lawatan para isteri pemimpin ekonomi APEC. Menurutnya dengan lawatan mereka itu sedikit sebanyak akan mendedahkan Negara Brunei Darussalam ke mata dunia.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 November. - Dalam kesibukan para pemimpin APEC menghadiri sesi Sidang Kemuncak hari pertama para isteri pemimpin berkenaan juga sibuk dengan aktiviti lawatan berasingan.

Program lawatan para isteri pemimpin APEC didahului dengan Majlis Mengadap dan Santap Tengah Hari di Istana Nurul Iman.

Rombongan para isteri APEC itu kemudian mengadakan lawatan ke Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di ibu negara dan disertai sama oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Ketibaan Yang Teramat Mulia berserta rombongan di sini dialu-alukan oleh Pengerusi Yayasan berkenaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, Pengarah Urusan dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan serta isteri.

Liputan oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA dan Siti Muslihat HS.

Sejurus ketibaan para isteri pemimpin APEC yang menyertai rombongan masing-masing menurunkan tandatangan di buku lawatan sebelum menyaksikan tayangan video mengenai sejarah dan perkembangan yayasan.

Semasa berada di kompleks itu mereka didedahkan dengan beberapa pameran termasuk pameran mengenai aktiviti-aktiviti YSHHB yang diadakan di ruang legar salah sebuah blok di sini.

Di kawasan lapang kompleks ini para isteri pemimpin APEC yang hadir sempat mengabadikan gambar kenangan sebelum menyaksikan beberapa gerai pameran yang mempamerkan hasil kraf tangan, buah-buahan, makanan, permainan dan muzik tempatan yang dipersembahkan oleh penduduk kampung Skim Perumahan YSHHB di Kampong Ayer.



MENTERI Industri dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia, Datin Seri Rafidah Aziz adalah antara ahli rombongan yang menyertai lawatan ke Kampong Sungai Bunga. Bersamanya ialah Yang Dipertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Edah.



PRESIDEN Republik Korea, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Kim Dae-Jung dan Datin Lee Hee Ho di Majlis Resepsi Perjumpaan dengan Rakyat Republik Korea di negara ini. Majlis berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri). Sementara gambar kanan, Datin Lee Hee Ho ketika melawat Pusat Persatuan Kanak-Kanak Cacat, Kampong Kiulap.



Presiden Korea dan isteri berjumpa rakyat



DATIN Lee Hee Ho, isteri Presiden Republik Korea menyaksikan pelbagai aktiviti Pusat Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) yang terletak di Kampong Kiulap.

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 November. - Lawatan negara Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Kim Dae-Jung dan isteri Datin Lee Hee Ho di hari kedua ke negara ini bermula dengan Majlis Resepsi Perjumpaan bersama rakyat Republik Korea yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di sini.

Majlis yang diselenggarakan dengan makan tengah hari bermula dengan penyampaian jambangan bunga kepada Presiden Republik Korea dan isteri yang disampaikan oleh dua orang kanak-kanak.

Di majlis tersebut Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Kim Dae-Jung telah mendengar taklimat daripada wakil rakyat Republik Korea yang berada di negara ini dan diikuti ucapan balas daripada Presiden.

Sementara di sebelah petang dalam atur cara yang berasingan lawatan telah bermula dengan kunjungan Datin Lee Hee Ho ke Pusat Persatuan Kanak-Kanak Cacat di Kampong Kiulap.

Semasa berada di sana Datin Lee Hee Ho telah mendengar taklimat yang disampaikan oleh pegawai pusat berkenaan, di samping melihat pameran mengenai aktiviti pusat berkenaan dan seterusnya membuat lawatan ke beberapa bahagian

Oleh Abu Bakar HAR

kemudahan yang terdapat di sana.

Datin Lee Hee Ho kemudiannya meneruskan atur cara ke Muzium Brunei yang terletak di Kota Batu.

Sepanjang lawatan isteri Presiden Republik Korea itu, beliau telah diiringi oleh isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Norliah.

Ketibaan Datin Lee Hee Ho di perkarangan Muzium Brunei telah dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dayang Hajah Azizah.

Selain menyaksikan pelbagai barangan yang terdapat di muzium berkenaan, tetamu negara ini juga telah diberi taklimat mengenai struktur dan fungsi muzium tersebut di samping sebagai salah sebuah tempat kunjungan para pelawat terutama pada akhir tahun lepas yang mana muzium ini telah memamerkan barang-barang yang ditemui dari dasar laut yang dipercayai artifak dari kurun ke-15.

Sehingga kini dianggarkan seramai lebih kurang 80 orang rakyat Korea berada di negara ini sama ada bekerja di sektor kerajaan atau sektor swasta.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Setiasuaha Tetap Jabatan Perdana Menteri. Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah telah berkesudi-an hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pertandingan Akhir Kutz Perkhidmatan Awam Kali Ke-2 yang berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei. Kementerian manakah yang telah menjuarai dalam pertandingan itu?
a). Jabatan Perhubungan
b). Jabatan Pembangunan
c). Jabatan Hal Ehwal Ugama
2. Bilakah tajuk cerpen 'Seiras Tapi Tidak Sebulu' diterbitkan di Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI?
a). 3 November, 1999
b). 10 November, 1999
c). 17 November, 1999
3. Apakah Tajuk promo keluaran PELITA BRUNEI pada 13 November, 1999 di muka surat 16?

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alatulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Pat-pat Gulambir keluaran 15 November, 2000.
1. A 2. A 3. 'Gunakan Masa Lapang Untuk Aktiviti Yang Berguna'.

PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 15 NOVEMBER, 2000

MOHD. NAZRI BIN JOINI
NO. 14 JALAN 19 SIMPANG 25
PERPINDAHAN LAMBAK KANAN.
UMUR : 7 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PUSAR ULAK.

MOHD. HAZMAN BIN ABDUL RAHIM
NO. 14 JALAN A SIMPANG 25
PERPINDAHAN LAMBAK KANAN.
UMUR : 5 TAHUN
SEKOLAH SUNSHINE.

MOHD. KAMARUL ARIFFIN BIN HAJI MOHD. ALIMIN
NO. 5 KAMPONG TANJONG NANGKA.
UMUR : 7 TAHUN
SEKOLAH SAINT ANDREW'S.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 450

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 450,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN



LAWATAN N PRESIDEN RE RAKYAT CHI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berserta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan lawatan negara Presiden Republik Rakyat China, TYT Presiden Jiang Zemin dan Madame Wang Yeping di Istana Nurul Iman (atas). Sementara gambar kiri, baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri, Presiden Republik Rakyat China, TYT Presiden Jiang Zemin dan Madame Wang Yeping, berangkat di pentas khas bagi menerima hormat diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin mengadakan perjumpaan dua hala.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin memeriksa perbarisan kawalan kehormatan di perkarangan Istana Nurul Iman (atas). Sementara gambar atas kiri dan kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berserta ahli kerabat diraja yang lain berangkat mengiringi Madame Wang Yeping ke Majlis Persantapan Negara. Manakala gambar bawah, DYT Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam menadah tangan ketika doa selamat dibacakan.



NEGARA REPUBLIK CHINA

Gambar-gambar oleh jurugambar
Jabatan Penerangan



Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China berbual mesra di Majlis
Persantapan Negara.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan mengurniakan titah di Majlis Persantapan Negara bagi meraikan lawatan negara Presiden Republik Rakyat China (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) yang membawa gelaran Dato Laila Utama kepada Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin.



BAGINDA, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan merakamkan gambar kenangan bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China dan isteri (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota beserta Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China berangkat menuju ke perkara-angan Dewan Persantapan.



TUAN Yang Terutama Presiden Jiang Zemin diperkenalkan kepada barisan pembesar-pembesar negara se-
belum berlepas menamatkan lawatan negara dua hari. Juga kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengiringi Presiden Republik Rakyat China. Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas). Sementara gambar kiri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani ketika berangkat ke Majlis Persantapan Negara.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersalaman dengan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin sebelum TYT dan rombongan berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam selepas lawatan negara dua hari.



PRESIDEN Republik Rakyat China semasa diperkenalkan kepada seorang ahli perniagaan Negara Brunei Darussalam.

Presiden China diraikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin dan Datin Wang Yeping.

Tuan Yang Terutama dan isteri berada di negara ini bagi lawatan negara selama dua hari yang diselenggarakan bagi menghadiri Mesyuarat Kerjasama Ketua-ketua Ekonomi Asia Pasifik APEC yang berlangsung pada 15 dan 16 November yang lalu.

Terdahulu dari itu, ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri di perkarangan Istana Nurul Iman telah dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Sejurus selepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama

Oleh Sahari Akim
dan Abu Bakar HAR

Presiden Jiang Zemin dan Datin Wang Yeping.

Berangkat sama di majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani serta ahli-ahli kerabat diraja.

Sebaik sahaja keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin dan Datin Wan Yeping di dewan persantapan, kedua-dua buah lagu kebangsaan negara dikemundangkan.

Doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz in Juned.

Kebawah DYMM, Presiden China adakan perjumpaan

Pelbagai usaha ditingkatkan

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin di Istana Nurul Iman.

Dalam perjumpaan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Jiang Zemin berbincang mengenai usaha-usaha meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara.

Kedua-dua pemimpin juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antara-

bangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Berangkat sama di perjumpaan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin dan isteri Madame Wong Yeping berada di negara ini bagi lawatan negara dua hari selepas menghadiri mesyuarat pemimpin-pemimpin APEC 2000.

Tamatkan lawatan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap perpisahan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Jiang Zemin dan Datin Wang Yeping.

Di Istana Nurul Iman sebelum Majlis Mengadap Perpisahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri mengalu-alukan TYT Dato Laila Utama dan datin bersama rombongan yang kemudiannya beredar ke bilik mengadap.

Sebelum memasuki ke perkarangan Istana Nurul Iman kenderaan khas yang membawa TYT dan datin bersama rombongan menerima ucapan selamat jalan dengan kibaran bendera Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China oleh beratus penuntut sekolah yang berbaris di sepanjang jalan hingga ke pintu pagar masuk ke istana.

Dalam notanya semasa ketibaan pada 14 November lalu menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam dan China adalah dua

Oleh Abdullah Asgar

negara yang bersahabat dan bersempadan lautan yang sama.

Kedua-dua masyarakat China dan Negara Brunei Darussalam satu masa dahulu menjalin persahabatan kebudayaan tradisi di mana dalam sejarah yang lama pertukaran persahabatan telah bermula sejak lebih 1000 tahun yang lalu, kedua-dua masyarakat telah terus mempererat persahabatan yang sedia ada sehingga kini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan lain-lain kerabat diraja.


Setelah itu TYT dan datin bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima tabik hormat diraja dari anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan kedua-dua lagu kebangsaan dimainkan oleh pancaragam ABDB.



PRESIDEN Jiang Zemin semasa menerima cenderamata yang disumbangkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein.



PRESIDEN Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin bersalaman dengan Pegawai Daerah Brunei dan Muara sejurus sebelum Tuan Yang Terutama menaiki kapal Tanjong Bekarang bagi mengadakan lawatan ke Kampong Ayer. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



TUAN Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin semasa melawat Bangunan Alat Kebesaran Diraja di ibu negara. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Presiden China kagum peralatan kebesaran diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 November. - Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin melahirkan rasa kagum ketika melawat ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja yang mempamerkan alat-alat kebesaran Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dialu-alukan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain.

Ketika masuk melawat ke bahagian-bahagian bilik pameran, Tuan Yang Terutama diberikan taklimat oleh Pemangku Pengarah

Oleh Abdullah Asgar

Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Awang Haji Metussin bin Haji Jibah.

Bangunan tersebut dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada September 1992 yang mempamerkan alat-alat dan perhiasan diraja yang bermula daripada pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta pada tahun 1968.

Dari Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin melawat ke Kampong Ayer dengan menaiki kapal Tanjong Bekarang.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan rombongan dialu-alukan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Tuan Yang Terutama ketika menaiki Kapal Tanjong Bekarang melihat keunikan Kampong Ayer yang wujud sejak awal pemerintahan Kesultanan Brunei dulu dan pada ketika dulu Kampong Ayer pernah menjadi pusat pemerintahan negara serta pernah didirikan beberapa buah istana di Kampong Ayer.

Kampong Ayer kini menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negeri kerana keunikannya yang berjaya mempertahankan kesenian, kebudayaan dan adat resam Negara Brunei Darussalam khasnya penduduk Kampong Ayer.

Brunei - China t-tangani 3 perjanjian

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 17 November. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China menandatangani tiga Memorandum Persefahaman (MOU) iaitu Persefahaman Pelaburan dan Perdagangan, Perlaksanaan Rancangan Bagi Pengembaraan Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam dengan pembiayaan sendiri dan Perjanjian Penjualan Minyak selama setahun.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi persefahaman mengenai Persefahaman Pelaburan dan Perdagangan ditandatangani oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, sementara Republik Rakyat China diwakili oleh Menteri Perdagangan Luar dan Kerjasama Ekonomi, Tuan Yang Terutama Tuan Shi Guangsheng.

Di bawah perjanjian ini, kedua-dua belah pihak bersetuju untuk mewujudkan iklim yang menguntungkan ke arah mengembangkan kerjasama ekonomi terutama bagi tujuan peningkatan pelaburan oleh para pelabur kedua-dua pihak berlandaskan persamaan dan kepentingan bersama.

Manakala MOU mengenai Perlaksanaan Rancangan Bagi Pengembaraan Rakyat China ke negara ini atas biaya sendiri juga ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman, sementara Republik Rakyat China pula ditandatangani oleh Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Qu Wanning yang mewakili pihak Pentadbiran Pelancongan Kebangsaan China (CNTA).

Persefahaman ini membolehkan pelancong Republik Rakyat China melawat ke negara ini dalam mengukuhkan lagi kerjasama pelaburan di kedua-dua belah pihak, CNTA meluluskan sebanyak 65 agensi pelancongan bagi tujuan tersebut, sementara Negara

Brunei Darussalam meluluskan sebanyak 34 buah agensi pelancongan. Bagaimanapun perjanjian ini juga membolehkan bagi jumlah pertambahan bagi agensi-agensi kedua-dua belah pihak mengikut keperluan semasa.

Satu lagi perjanjian persefahaman yang ditandatangani ialah Perjanjian Penjualan Minyak Negara Brunei Darussalam kepada Syarikat Minyak dan Kimia Bersatu Antarabangsa (UNIPPEC) selama setahun.

Perjanjian ini ditandatangani di antara Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad, Awang John Darley dan Presiden UNIPPEC, Tuan Chang Wen Tao.

Ini merupakan perjanjian yang pertama antara BSP dengan sebuah syarikat minyak dari Republik Rakyat China sebagai usaha republik tersebut untuk mendapatkan bekalan minyak mentah yang bermutu tinggi dari pelbagai sumber.

Perjanjian-perjanjian yang ditandatangani ini merupakan langkah susulan sempena lawatan negara Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Presiden Jiang Zemin ke negara ini.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Menteri Perdagangan Luar dan Kerjasama Ekonomi Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tuan Shi Guangsheng bersalaman sejurus selepas menandatangani perjanjian (atas kiri); Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman dan Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Qu Wanning bertukar-tukar nota selepas menandatangani perjanjian (gambar tengah) dan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad, Awang John Darley dan Presiden UNIPPEC, Tuan Chang Wen Tao bersalaman sejurus penandatanganan perjanjian.

INI cerita kuyuk punya pasal. Sesudah berusaha mencari bertahun-tahun lamanya saya berhasil juga mendapat satu jawatan di Syarikat Brukaya Sendirian Berhad. Saya diberi tugas sebagai pengawal keselamatan sewaktu kakitangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad tidak bertugas lagi di sebelah malam.

Ada dua buah bangunan yang perlu saya jaga; bangunan satu adalah khusus bagi pejabat dan bangunan dua pula adalah merupakan stor barangan perniagaan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad.

Bagi saya kedua-dua bangunan ini sangat perlu dijaga daripada kemungkinan dicerobohi orang, berbanding perkarangannya yang sudah cukup bersih daripada sampah sarap dan rumputnya yang sentiasa dipotong pendek.

Selama dua bulan bertugas di dua buah bangunan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad saya tidak menghadapi masalah berjaga malam. Malah saya sangat gembira dapat tugas ini walaupun bukan satu pekerjaan yang sangat saya mahui sesudah selama bertahun-tahun mencari jawatan pekerjaan.

Gajinya empat ratus lima puluh ringgit sebulan. Ini bermakna lima belas ringgit untuk satu malam yang bermula dari pukul lima tiga puluh minit petang hingga pukul tujuh pagi. Ini pun bermakna saya mempunyai tiga belas jam tiga puluh minit diberi tugas yang memang tidak adil bagi saya.

Sepatutnya saya diberi lapan jam sahaja untuk menjalankan tanggungjawab ini seperti mana yang ditetapkan oleh Jabatan Buruh.

Bagaimanapun saya tetap berasa sangat gembira mendapat tugas ini walaupun bukan satu pekerjaan yang sangat saya mahui sesudah selama bertahun-tahun mencari jawatan pekerjaan. Dan kau mungkin juga tidak suka dengan tugas ini sesudah selesai membaca cerita ini nanti.

Ini cerita kuyuk punya pasal, kerana hampir seminggu akhir-akhir ini tugas saya mula diganggu oleh kuyuk; kuyuk-kuyuk ini berbulu warna coklat hitam, tapi yang membezakan mereka ialah sekor berkaki pendek, sekor berekor pendek dan seekor berkaki panjang serta berekor panjang.

Kedatangan kuyuk-kuyuk ini benar-benar menyusahkan saya apabila bertugas berkawal di bangunan pejabat dan ba-

ngunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad ini. Mula-mula saya tidak peduli, sebab kuyuk memang binatang yang tidak tahu adap.

"Ambat saja ya. Memberi ngalih kita memutik-mutik sampah yang diampaiannya di dapan bangunan ani," kata seorang rakan supervisor bangunan stor barang perniagaan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad pada saya pagi ini.

Saya cuma menganggu dan menerangkan kepadanya; bahawa sebaik sahaja saya keluar dari tempat pondok berkawal kuyuk-kuyuk itu sudah pun bersedia mahu melawan.

Saya paling tidak suka digigit oleh kuyuk. Dan saya belum bersedia menerima akibat buruk jika nanti kuyuk-kuyuk ini



PENJAGA MALAM

OLEH
PUASHA

C C
E E
R R
P P
E E
N N

mengeronyok saya sebaliknya. Jadi saya biar sahaja kuyuk-kuyuk ini berkeliaran di perkarangan bangunan pejabat dan bangunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad ini sewenang-wenangnya.

Saya perhatikan kuyuk-kuyuk ini; kuyuk yang berkaki pendek sangat giat membawai sampah dari luar kawasan perkarangan bangunan pejabat dan bangunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad berbanding kuyuk yang

berekor pendek.

Tapi kuyuk berekor pendek ini pula sangat giat menyelongkar tong-tong sampah yang ada di belakang bangunan pejabat berbanding kuyuk yang berkaki panjang serta berekor panjang.

Tetapi kuyuk berkaki panjang serta berekor panjang ini sangat giat berlari ke sana ke mari dan menyalak besar. Awwuuuuuuuuuuu. Hu hu hu HUUUUUUUUUU! Ia cukup menggerunkan saya, terutama apabila berkawal pada malam

Jumaat.

Malam ini saya lewat datang mengambil tempat berkawal di bangunan pejabat dan bangunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad. Saya dapati kakitangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad sudah meninggalkan kawasan bangunan pejabat dan bangunan stor barangan dengan bunyi salakan kuyuk yang tidak henti-henti datang dari belakang bangunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad.

Sebaik sahaja saya menjenguk ke dalam parit kecil di tepi pagar di belakang bangunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad ini saya nampak kuyuk berkaki panjang serta berekor panjang tersepit oleh sebatang besi.

Saya tidak tahu bagaimana sebatang besi sebesar satu kaki kali tiga inci boleh menindih kuyuk berkaki panjang serta berekor panjang ini; betul-betul di bahagian tengah badannya.

Kuyuk berkaki panjang dan berekor panjang ini terus menyalak - Awwuuuuuuuuuuu hu hu hu HUUUUUUUUUU! Tidak berhenti-henti.

GAJINYA empat ratus lima puluh ringgit sebulan. Ini bermakna lima belas ringgit untuk satu malam yang bermula dari pukul lima tiga puluh minit petang hingga pukul tujuh pagi. Ini pun bermakna saya mempunyai tiga belas jam tiga puluh minit diberi tugas yang memang tidak adil bagi saya.

Lihat muka 13

PUISI PUISI PUISI PUISI

HAYAT KITA

Hayat kita ini tidak diketahui namun sahnya pasti tiba kembali ke hadirat-Nya. Kerana itu sedarlah wahai insan yang beriman sebelum datang al-maut pergunkanlah hidup ini ke jalan yang berfaedah ke jalan yang diredai Allah.

Hayat kita hanya sebagai pinjaman bila-bila akan diambil semula oleh khalik-Nya.

KITA SEKADAR PENGISI RUANG

Tidak siapa menyangka segala impian dan keupayaan kita selama ini seakan sudah tidak bermakna lagi disini!.

Kita sering mengharapkan agar kesejahteraan terus berkekalan tapi apa yang telah menimpa kini sungguh mendukacitakan malah mengharu-birukan! Membuat kita dalam keresahan.

Kita benar-benar tidak menduga namun segala yang berlaku ini kita harus yakin ini adalah bala atau ujian. Kita sekadar pengisi ruang hanya mampu merancang sedang penentuannya hanya pada Yang Maha Kuasa.

Rahim M.S

IBARATNYA AKU

Kepercayaanku padamu mengatasi segalanya hilang emak hilang saudara ibaratnya aku kau kusanjung. Kesetiaanmu padamu ibaratnya aku benci diri sendiri demi kebahagiaanmu kurkorbankan segalanya. Namun kusedih jua bila kutahu ada insan lain yang turut berteduh di kepakmu pilunya hati hanya Tuhan yang tahu masihku tertanya apa salahku apa silapku.

Puteri Seni 746

BEGITUKAH CARANYA?

Bagaimanapun sibuk tempat dalam legar komputer jawab sehalus bijak... Di balik tugas satu alas membuangkannya hanya proses jadi sandaran. Asalkan terbebaskan sulit meskipun waktu bersasar impian dianggarkan ternanti larutan!

Jarak hari menjelang minggu hingga empat kali tanya masih dalam proses.

Padahal jarak langkah satu purnama pengendalian semakin bongkok tugas dan seakan seakan komputer tiada larat seakan ada membisik malas tah ku ingau... begitukah ragamnya di ofis dana pelanggan bengis pelangan tersepit?

RABITAH YANG HILANG

Tiada kasih sayang... hati dan muka dibayangi hanya maut iri derita melayang! Tanpanya seseorang kekasih menyakiti perasaan dan was-was cuma curiga cumbu perosak hati! Tiada kasih sayang yang satu paksa ke marga pala

yang satu mengasuh syurga apa ini sebuah erti terlepas dari sengketa?

Dan bahkan apa yang ada hanya kebahagiaan bercernaan di bawah sinar maya tanpa bersampai!

Sepanjang waktu kena berawas hati dan muka dilaknat walat waima baik bersungguh dikata aib terendah sayang ke tapi curiga teratas rabitah sirna putus.

Adi Misere

PERJALANAN

Sejak hari kita bernafas, kita jejak anak tangga yang pertama, ibarat sekeping kain putih, diconteng boleh, dihiasai pun boleh.

Sekarang dah dewasa, pandai menulis, pandai membaca, Menaiki anak tangga satu demi satu, dengan restu ibu bapa.

Dalam perjalanan, anak-anak tangga berlain, mempunyai keistimewaan yang tersendiri, bagaikan satu maha karya yang indah dan penuh kejutan.

Dalam perjalanan, pada dinding-dinding tangga ada duri, perlu berhati-hati jangan lalai untuk kejayaan.

Terus mencuba sampai ke puncak satu kepastian dalam pengharapan...

PEMBUNUH SUCI

Dadah, kau berbakti kepada pesakit, meredakan kerangan, mencegah virus pembunuh... Suci keji mungkin kejadian alam, berbakti jika diperlukan, membunuh jika disalahgunakan.

Dadah, pembunuh yang tak kurang hebatnya, menghancurkan kehidupan mengurangkan tenaga manusiawi negara perlukan, memang bukan salahnya, ini kelalaian.

Kita banteras penyalahgunaannya, kita bina negara harmoni dan sejahtera.

Generasi harapan bangsa, jangan cemarkan dengan dadah, bangunkan yang terlalai, demi kecemerlangan bangsa.

Nahmy

MENCARI JEJAK-JEJAK YANG HILANG

Kehadiranmu menjadi sumber inspirasi bagi jiwa yang bergelora melihat kehadiranmu di sini kita meniti kehidupan seharian yang belum pasti di mana noktahnya.

Janji yang pernah terungkap disaksikan panorama indah bertautlah hati yang gundah melabuh epilog cinta Rabi'atul di sini melabuh tirai-tirai cinta hakiki merengani lautan yang penuh gelora hatiyang telah lama kesunyian untuk bertemu di bibir malam syahdu.

Ya rabb, sujud in menyaksikan pertemuan yang tidak pernah bersua tangisan ini menyaksikan dosa-dosa yang belum terampun. Pelayaran kesusnuri mencari kenangan silam yang hilang besimpul di kota suci jadi saksi sujud di hadapan baitmu mengukur kehinaan diri.

Belum bersua apa yang dicari masa mengikat janji dipeteri keringat ini bukan penyudah usaha goyah bagi pencarian yang pasti natiyahnya.

Helmi Halim

Dari muka 12

Oleh sebab tidak tahan mendengar suara salakan kuyuk berkaki panjang serta berekor panjang yang tidak berhenti kerana berasa terlalu sakit ditindih oleh sebatang besi sebesar satu kaki kali tiga inci di dalam parit di tepi pagar di belakang bangunan stor barangan ini, saya lalu dapat satu akal untuk melepaskan kuyuk berkaki panjang serta berekor panjang ini.

Caranya mudah sekali, saya angkat hujung batang besi sebesar satu kaki kali tiga inci ini ke atas kerana tidaklah terlalu berat sangat dan kuyuk berkaki panjang serta berekor panjang ini pun terlepas lalu berlari masuk ke dalam semak. Dasar kuyuk memang tidak tahu diuntung. Selagi namanya kuyuk, kuyuklah ia. Kuyuk tidak pernah berterima kasih pada orang yang pernah menolongnya.

Inilah yang berlaku pada diri saya dengan kuyuk-kuyuk ini. Kali ini saya benar-benar terasa tugas saya berjaya diganggu oleh kuyuk-kuyuk ini.

Saya memang jarang sekali melihat seekor kuyuk berkaki pendek lain dan saya juga jarang sekali menemui seekor kuyuk berekor pendek lain di kawasan bangunan pejabat dan bangunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad ini berbanding dengan kuyuk berkaki panjang serta berekor panjang yang banyak saya jumpai berke- liaran di tepi-tepi jalan raya.

Saya memang tidak pernah peduli pada kuyuk-kuyuk ini sebab kuyuk memang binatang yang tidak tahu adab.

Tetapi kali ini saya benar-benar merasa tugas saya berjaya diganggu oleh kuyuk-kuyuk ini. Saya sudah merasa tidak gembira bertugas dan ber-

TETAPI kali ini saya benar-benar merasa tugas saya berjaya diganggu oleh kuyuk-kuyuk ini. Saya sudah merasa tidak gembira bertugas dan berkawal di bangunan pejabat dan bangunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendirian Berhad disebabkan oleh kuyuk-kuyuk ini terutama kuyuk berkaki panjang dan berekor panjang.

kawal di bangunan peja- bat dan bangunan stor barangan Syarikat Bru- kaya Sendirian Berhad disebabkan oleh kuyuk- kuyuk ini terutama kuyuk berkaki panjang dan ber- ekor panjang.

"Kenapa awak lepas itu kuyuk. Saya sudah suruh tangkap sama perangkap batang besi dalam itu parit," marah bos Sya- rikat Brukaya Sendirian Berhad pada saya.

"Sekarang apa sudah jadi, itu macam dia sudah banyak buang najis di semua tempat. Kita semua susah haiya!"

Malam berikutnya bos Syarikat Brukaya Sendiri- an Berhad sekali lagi me- marahi saya.

"Kenapa awak lepas itu kuyuk. Saya sudah suruh tangkap sama perangkap batang besi dalam itu parit. Sekarang apa sudah jadi, itu macam dia sudah banyak buang najis di semua tempat. Kita semua susah ... haiya!"

"Ambat saja ya. Mem- beri ngalih kita mem- buang tahinya yang di- ampai-ampai di depan bangunan ani," kata se- orang rakan supervisor bangunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendiri- an Berhad yang sekarang terpaksa berjaga-jaga dar- pada kuyuk-kuyuk ber- bula coklat hitam yang se- ekor berkaki pendek, se- ekor berekor pendek dan seekor berkaki panjang serta berekor panjang ini.

Selama dua bulan ber- tugas di dua buah bangun- an Syarikat Brukaya Sen- dirian Berhad memang saya tidak menghadapi masalah berjaga malam

tetapi dua minggu ter- akhir ini tugas ini me- mang bukan satu pekerja- an yang sangat saya mahui sesudah selama bertahun-tahun mencari pekerjaan.

Saya paling tidak suka digigit oleh kuyuk. Dan saya belum bersedia me- nerima akibat buruk jika nanti ketiga-tiga ekor kuyuk ini mengeronyok saya sebaliknya.

Jadi saya biarkan saja kuyuk-kuyuk ini berke- liaran di perkarangan ba- ngunan pejabat dan ba- ngunan stor barangan Syarikat Brukaya Sendiri- an Berhad ini sewenang- wenangnya itu sementara, saya sudah mula menulis surat permohonan me- letak jawatan kepada bos Syarikat Brukaya Sen- dirian Berhad.

"Saya tidak tahan di- ganggu oleh kuyuk-kuyuk berbulu coklat hitam ini," tulis saya sebagai alasan pertama.

Alasan kedua saya me- nulis, "Saya paling tidak suka digigit oleh kuyuk. Dan saya belum bersedia menerima akibat buruk jika nanti kuyuk-kuyuk ini mengeronyok saya sebaliknya."

Alasan ketiga pula, ke- rana "Saya telah melepas- kan kuyuk yang tersepit."

Dan alasan terakhir saya ialah kerana "Saya ingin mencari kerja baru dan jauh daripada gang- guan kuyuk-kuyuk ini."

Akhirnya saya nekad mahu berhenti kerja dari- pada Syarikat Brukaya Sendirian Berhad pasal kuyuk-kuyuk ini benar- benar menyusahkan saya.



سنتیاس برسام بیستیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تیلبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 29 NOVEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

2.00	LAGU KEBANGSAAN
2.02	AL-QURAN
2.12	SUSUNAN RANCANGAN
2.15	PEDOMAN
2.45	DOKUMENTARI
3.15	DRAMA - 'Rumah Cikgu Hassan'
3.32	AZAN ASAR
3.38	DRAMA - Sambungan
4.00	ANIMATION HOUR

4.45	GERAK BIJAK
5.15	JEJAK RASUL
5.45	BERITA
5.55	MENJELANG SUNGKAI
6.07	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.15	AL-QURAN
6.30	BIMBINGAN MUKMIN
6.45	DISCOVER ISLAM

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.19	AZAN ISYAK
7.30	SIHAT CERGAS
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEKAD
9.05	DRAMA CO PRODUCTION : SEKALI AIR BAH
9.40	MARTIAL LAW
10.00	NEWS AT 10
10.30	MARTIAL LAW - Sambungan
11.00	TEDARUS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 30 NOVEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

2.00	LAGU KEBANGSAAN
2.02	AL-QURAN
2.12	SUSUNAN RANCANGAN
2.15	PEDOMAN
2.45	DOKUMENTARI
3.15	DRAMA - 'Rumah Cikgu Hassan'

3.32	AZAN ASAR
3.38	DRAMA - Sambungan
4.00	ANIMATION HOUR ; DENVER : THE LAST DINOSAUR
4.45	AT TAKZIR
5.15	JEJAK RASUL
5.45	BERITA
5.55	MENJELANG SUNGKAI
6.07	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.15	AL-QURAN
6.30	BIMBINGAN MUKMIN
6.45	DISCOVER ISLAM

MALAM

7.00	GEMA ISLAM
7.19	AZAN ISYAK
7.25	GEMA ISLAM - Sambungan
7.30	SURAH YAASIIN
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	DRAMA : LAILA LILI PUTIH
9.15	WAYANG PILIHAN
10.00	NEWS AT 10
10.30	WAYANG PILIHAN - Sambungan
11.30	TEDARUS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 1 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.15	MEKAR
11.30	BERITA
11.40	GUERRILLA GARDENER
12.15	DISCOVER ISLAM : 'AL SHAIKH YAQOOBY'
12.30	SEMBAHYANG FARDU
	JUMAAT - (Siaran Langsung)

PETANG

1.30	SYIAR MASJID - (Ulangan)
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA MIK - Siaran Langsung
3.00	ANIMATION : VOLTRON - THE THIRD DIMENSION
3.33	AZAN ASAR
3.45	DRAMA
4.15	AN NUUR - Siaran Langsung
5.15	JEJAK RASUL
5.45	BERITA
5.55	MENJELANG SUNGKAI
6.07	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.15	AL-QURAN
6.30	BIMBINGAN MUKMIN
6.45	DISCOVER ISLAM

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.20	AZAN ISYAK
7.30	SECANGKIR KOPI
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA RTB : PERTEMBUNGAN
9.25	FIT FOR THE WILD ADAPTED TO AFRICA

10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT
10.45	TELEDRAMA
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 2 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY
10.55	JIGGY/POWERPUFF GIRLS
11.20	WILD ABOUT ANIMALS
11.30	SECANGKIR KOPI
11.40	BERITA
12.00	SECANGKIR KOPI
12.00	CYBERNET
12.11	AZAN ZUHUR
12.16	CYBERNET - Sambungan
12.25	DOKUMENTARI - (Ulangan)

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG
	SABTU - 'The Wiz Kid Of Osbourne Street'
2.45	PEDOMAN
3.15	DRAMA - 'Rumah Cikgu Hassan'
3.33	AZAN ASAR
3.38	DRAMA - Sambungan
4.00	ANIMATION HOUR : SABER RIDER & STAR
	SHERIFF
4.30	RAK SI MOMO
5.15	JEJAK RASUL
5.45	BERITA
5.55	MENJELANG SUNGKAI
6.07	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.15	AL-QURAN
6.30	BIMBINGAN MUKMIN
6.45	DISCOVER ISLAM

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.19	AZAN ISYAK
7.30	TECHNOLOGY WORLD
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	PERTUKARAN RANCANGAN MOU RTB/TVRI
9.25	TAYANGAN GAMBAR - 'Firewalker'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
11.30	TEDARUS
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 3 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN

6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
11.10	ANAK-ANAK AKTIF
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'Treehouse Hostage'
12.12	AZAN ZUHUR
12.17	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	ENGLISH PREMIER
	LEAGUE 2000/2001
2.30	SI MANIS 17 - SIARAN LANGSUNG
3.00	RIMALOKA
3.33	AZAN ASAR
3.40	SUKAN ANTARABANGSA
4.15	DRAMA
4.45	AT TAKZIR
5.15	JEJAK RASUL
5.45	BERITA
5.55	MENJELANG SUNGKAI
6.08	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.15	AL-QURAN
6.30	BIMBINGAN MUKMIN
6.45	DISCOVER ISLAM

MALAM

7.00	INFORAMA
7.20	AZAN ISYAK
7.25	INFORAMA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
10.50	PSI FACTOR - 'The Agress'
11.35	TEDARUS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 4 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

2.00	LAGU KEBANGSAAN
2.02	AL-QURAN
2.12	SUSUNAN RANCANGAN
2.15	PEDOMAN
2.45	DOKUMENTARI
3.15	DRAMA - 'Rumah Cikgu Hassan'
3.34	AZAN ASAR
3.39	DRAMA - Sambungan
4.00	ANIMATION HOUR
	ZIRKOS KIDS
4.30	TRAP TRIP
5.00	SYIAR MASJID
5.15	JEJAK RASUL
5.45	BERITA

5.55	MENJELANG SUNGKAI
6.07	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.15	AL-QURAN
6.30	BIMBINGAN MUKMIN
6.45	DISCOVER ISLAM

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.21	AZAN ISYAK
7.30	PERSPECTIVE
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO PRODUCTION : UDANG GALAH, LIMA MANIS
9.25	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - (Ulangan)
10.45	FORUM : AGENDA
11.30	TEDARUS
12.40	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 5 DISEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

2.00	LAGU KEBANGSAAN
2.02	AL-QURAN
2.12	SUSUNAN RANCANGAN
2.15	PEDOMAN
2.45	DOKUMENTARI
3.15	DRAMA - 'Rumah Cikgu Hassan'
3.32	AZAN ASAR
3.38	DRAMA - Sambungan
4.00	ANIMATION HOUR
	MISSION HILL/SWAT KATS
	RADICAL SQUADRON
4.45	GERAK BIJAK
5.15	JEJAK RASUL
5.45	BERITA
5.55	MENJELANG SUNGKAI
6.07	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.15	AL-QURAN
6.30	BIMBINGAN MUKMIN
6.45	DISCOVER ISLAM

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.19	AZAN ISYAK
7.30	SIHAT CERGAS
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEKAD
9.05	DRAMA CO PRODUCTION : SEKALI AIR BAH
9.40	MARTIAL LAW
10.00	NEWS AT 10
10.30	MARTIAL LAW - Sambungan
11.00	TEDARUS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

Bola sepak jemputan RBA: KOTA RANGERS RANGKUL PIALA JUBLI PERAK

REPUTASI Kota Rangers sebagai sebuah kelab bola sepak yang disegani sedikit masa dulu, kini menonjol semula apabila mereka berjaya merangkul juara Kejuaraan Bola Sepak Jemputan Jubli Perak Penerbangan Diraja Brunei (RBA) menewaskan DPMM 2-0 dalam perlawanan akhir di Kompleks Sukan RBA.

Bagaimanapun, Kelab Elit dari Daerah Brunei dan Muara itu terpaksa menghadapi tentangan sengit sebaik saja perlawanan bermula sebelum muncul juara dengan menerima asakan bertali arus dari barisan penyerang DPMM.

Mujur ketangkasan bekas penjaga gol kebangsaan Haji Yunus Mohd. Yusof yang bertindak cemerlang mengawal pintu golnya, berjaya menggagalkan setiap percubaan para penyerang DPMM itu.

Dalam keadaan tertekan itu juga Kota Rangers yang hanya sekali-sekala melakukan serangan, berjaya mendahului DPMM pada minit terakhir separuh masa pertama melalui Fadlin Gelawat yang mendapat umpanan di depan pintu gol DPMM, dan terus menolak masuk.

Ketinggalan 1-0 belum mematahkan semangat barisan DPMM sebaliknya mereka terus melipatgandakan usaha bagi menyamakan kedudukan namun usaha tersebut terus menemui kegagalan.

Dua percubaan berturut-turut DPMM dekat pintu gol Kota Rangers juga gagal mereka sempurnakan apabila kesempatan terhidang itu dengan mudah ditepis keluar oleh Haji Yunus bin Mohd. Yusof.

Meskipun sering gagal dalam melakukan percubaan-percubaan, DPMM terus mengempur hebat pertahanan Kota Rangers dengan hanya meninggalkan seorang pemain pertahanan.

Strategi itu kemudiannya membawa padah apabila Mohd. Rosnan Abdullah Samak yang bergerak secara solo menghukum kelalaian mereka dengan menja-ringkan gol kedua selepas mendapat umpaman dari tepi, terus merembat masuk menewaskan penjaga gol DPMM Ibrahim Abu Bakar, menjadikan kedudukan 2-0 sehingga tamat permainan.

Oleh Haji Ahat HI

Terdahulu sebelum perlawanan akhir, DPMM mengatasi pemenang Piala Juara-Juara KASUKA, 1-0 manakala Kota Rangers menundukkan Wijaya 2-1.

Kejuaraan bersempena sambutan 25 tahun penubuhan RBA itu bermula 13 Oktober lepas dengan disertai oleh 12 pasukan bola sepak tempatan.



MASIH BERBISA... Barisan pemain Kota Rangers bergembira selepas muncul sebagai juara Kejuaraan Bola Sepak Jemputan Jubli Perak RBA 25-Tahun.

Ekspedisi berbasikal anjaran Majlis Perundingan Kg. Masin

Oleh Abdullah Asgar

EKSPEDISI berbasikal anjaran Majlis Perundingan Kampong Masin telah berjaya menarik minat hampir 400 orang peminat mountain bike bagi menyertai ekspedisi sejauh lebih 50 kilometer empat buah mukim.

Ekspedisi bermula di kawasan Sekolah Rendah Kampong Masin yang dilepaskan oleh Ketua Kampung berkenaan, Awang Moksini bin Haji Kamis.

Apa yang menarik di ekspedisi tersebut ialah penglibatan kanak-kanak yang berusia 11 tahun yang berjaya menamatkan perjalanan tanpa menggunakan khidmat kenderaan bantu bagi meneruskan ekspedisi. Ada juga di antara peserta yang telah berusia 50 tahun namun sanggup menyertainya semata-mata untuk menyihatkan badan.

Ekspedisi ini juga disertai oleh tiga orang wanita yang terpaksa bersaing bagi menamatkan ekspedisi dengan kaum lelaki, namun dengan berbekalkan semangat sukan yang tinggi semuanya boleh diatasi.

Dalam ekspedisi kali ini masing-masing peserta menggunakan basikal yang ada di pasaran, namun ada juga menggunakan basikal yang dibeli

dari luar negeri untuk mencuba ketahanan diri dan basikal, ada juga di antara mereka menggunakan ekspedisi ini sebagai menjalani latihan memandangkan ramainya penyertaan.

Ini kerana berlatih dalam kelompok yang ramai memangnya satu keseronokan kepada peminat lumba basikal baik yang jenis lebuhraya atau basikal gunung (mountain bike).

Antara jalan-jalan yang dilalui ialah Jalan Bengkurong-Masin, Jalan Tutong hingga ke simpang Bukit Telanai, sebahagian Jalan Gadong, Tungku Link, sebahagian Lebuhraya Muara-Tutong, Jalan Jerudong dan balik semula ke Kampong Masin menggunakan jalan permulaan.

Sedikit masalah terjadi kepada peserta apabila masuk Jalan Bukit Telanai kerana terpaksa menolak basikal masing-masing disebabkan tidak boleh mengayuh untuk melimpasi bukit yang agak tinggi itu tapi semuanya berjalan dengan baik, setelah itu ekspedisi tetap diteruskan kerana sijil penyertaan hanya diberikan kepada mereka yang tamat ekspedisi oleh pihak penganjur.



KAMI JUARA... Pengurus Kota Rangers menjulang Piala Jubli selepas menewaskan DPMM 2-0 dalam perlawanan akhir di Kompleks Sukan RBA. Piala disampaikan oleh Pengarah Eksekutif RBA, Pengiran Haji Ali.

Kejuaraan Cross Country Mountain Bike Kebangsaan: Haji Herman juara

Oleh
Abdullah Asgar

Haji Herman bin Haji Timbang menang mudah di Kejuaraan Cross Country Mountain Bike Kebangsaan tanpa mendapat saingan pelumba-pelumba seperti Chung Kwai Meng, Hamdani bin Haji Besar, Cheung Chye Lee dan beberapa orang lagi bekas pelumba kebangsaan yang tidak ikut serta.

Haji Herman mencatat 1 jam 24 minit 36 saat untuk muncul juara dengan diikuti rapat pemenang kedua, Samra Hussein 1 jam 26 minit 05 saat, manakala Haji Osli bin Haji Mohd. Nor tempat ketiga dengan catatan masa 1 jam 26 minit 01 saat.

Kategori terbuka ini hanya disertai oleh 20 peserta yang dikenakan menghabiskan enam pusingan pada trak perlumbaan sejauh enam kilometer satu pusingan.

Penyertaan ini hanya dari seluruh negara walaupun tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peminat-peminat mountain bike, namun ini adalah kali pertama Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam menganjurkan perlumbaan cross country yang bertaraf kebangsaan sejak berakhirnya Sukan SEA Ke-20 dengan kerjasama Persatuan PITA Kampong Tanah Jambu.

Namun ini mungkin petan-

da baik bagi peminat-peminat acara ini untuk terus giat berlatih, kerana PELITA BRUNEI difahamkan akan diadakan kejuaraan lain menanti pada kalendar (penganjur) tahun 2001 nanti.

Sementara itu bagi kategori Junior johan, Md. Noorazizul Awang; kedua, Md. Helmi Zamrin dan ketiga, Hazri Haji Raya dan peserta tunggal wanita terbuka Hajah Norharni Haji Sapar juara dengan catatan 57 minit 01 saat.

PELITA BRUNEI difahamkan perlumbaan ini diadakan untuk pemilihan pelumba mountain bike bagi mewakili negara di Sukan Arafura.

Manakala itu satu perlumbaan lebuhraya juga akan dianjurkan oleh persekutuan ini bagi tujuan yang sama pada 26 November bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas. Borang dan keterangan lanjut masih boleh diperolehi daripada Triple Star, Kompleks Setia Kenangan Kiulap atau dari bilik persekutuan tersebut di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Yang Dipertua PITA, Awang Haji Mohammad bin Sukaimi.

SUKAN SUKAN SUKAN

Jabatan Pentadbiran juara badminton Kementerian Hal Ehwal Ugama

Oleh Haji Ahat HI

JABATAN Pentadbiran muncul sebagai juara Kejohanan Badminton antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama selepas menumpaskan Jabatan Pengajian Islam 4-1 dalam perlawanan akhir di Kompleks Sukan Mengliat, Gadong.

Jabatan Pentadbiran yang juga disertai oleh Pengarah Pentadbiran, Awang Haji Saifon bin Haji Awang Besar memperlihatkan permainan cemerlang dengan hanya mengalami sekali tewas.

Tempat ketiga dan keempat ialah antara Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Ma'had Islam Brunei.

Kejohanan merebut Piala Menteri Hal Ehwal Ugama itu antaranya juga disertai oleh Jabatan Ugama Daerah Belait dan Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Kejohanan tahunan itu juga bertujuan untuk meningkatkan hubungan silaturahim di kalangan pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan di samping menggalakkan bersukan untuk kesihatan.



HEBAT ... Yang Dipertua Pertubuhan Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Ali Hassan menyampaikan Piala Dunhill kepada Ketua Pasukan DBM yang berjaya menjuang piala itu. - Gambar oleh Harun HR.



PENGARAH Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Saifon diperkenalkan kepada pemain-pemain di perlawanan akhir Kejohanan Badminton antara jabatan-jabatan KHEU. - Gambar oleh Harun HR.



MENYERLAH ... Pasangan Jabatan Pentadbiran berjaya mengatasi Jabatan Pengajian Islam 4-1 dalam perlawanan akhir di Kompleks Sukan Mengliat. - Gambar oleh Harun HR.

KASUKA RANGKUL PIALA JUARA- JUARA

Oleh
Haji Ahat HI

JUARA Liga Bola Sepak Bahagian Tiga Daerah Brunei-Muara Kelab Bola Sepak KASUKA berjaya merangkul Piala Bola Sepak Juara-juara Daerah Brunei-Muara selepas menundukkan Kelab Bola Sepak Jerudong 3-2 dalam perlawanan akhir di Padang Jabatan Belia dan Sukan, Berakas.

Juara Liga Bahagian Tiga itu pada mulanya ketinggalan 1-0 di separuh masa pertama melalui jaringan Haji Mohd. Salleh Haji Ghafar.

Bagaimanapun di separuh masa kedua, KASUKA berjaya menyamakan kedudukan 1-1 melalui jaringan Ak. Mohd. Sharon yang mendapat umpanan rendah daripada Mohd. Radzi.

Tersentak dengan jaringan penyamaan itu, Kelab Bola Sepak Jerudong kemudian berjaya menguasai permainan dengan melancarkan beberapa percubaan yang kemudiannya membuahkan hasil jaringan kedua melalui tandukan kencang dari tepi kiri oleh Mushirready Haji Zainuddin.

Ketinggalan 2-1 kepada juara bahagian tiga itu, KASUKA kemudian bangkit melakukan serangan dari tepi kanan tetapi gagal melakukan sebarang percubaan. Begitupun pada percubaan dari kanan pemain tengah KASUKA, Ak. Muhd Shahrin telah dikasari dan pengadil memberikan sepakan bebas yang kemudiannya berjaya dimanfaatkan oleh Sufri Mohammad, merembat masuk menjadikan kedudukan 2-2.

Dalam keadaan genting itu, Sufri Mohammad sekali lagi menjadi wira untuk KASUKA muncul menjuarai Piala Juara-juara apabila berjaya menolak bola masuk menjadikan kedudukan 3-2, mengatasi Kelab Bola Sepak Jerudong. Tempat ketiga disandang oleh Kelab Bola Sepak Kilanas.

DBM menangi Piala Dunhill

Oleh Haji Ahat HI

DAERAH Brunei-Muara (DBM) berjaya mengekalkan kejuaraan bola sepak Piala Dunhill bagi pemain berumur bawah 22 tahun apabila menundukkan Daerah Tutong 3-0 dalam perlawanan akhir di Padang Jabatan Belia dan Sukan, Berakas.

Tuan rumah yang juga juara bertahan memulakan permainan dengan melancarkan banyak percubaan, tetapi gagal menepati sasaran.

Begitupun pada minit-minit akhir separuh masa pertama mereka kemudian berjaya mendahului Daerah Tutong 1-0 melalui Hazman Jumaat yang melakukan rembatan tinggi tepat masuk mengatasi jangkauan penjaga gol Tutong, Azman Ilham Haji Mohd. Noor.

Kedudukan Daerah Brunei-Muara terus diperkukuhkan lagi apabila Zulkifli Duraman menjaringkan gol kedua melalui rembatan jarak dekat selepas bola kawalan dua pertahanan Daerah Tutong terlepas dan bergolek di tengah, kemudian dirembat masuk oleh Zulkifli.

Meskipun tertinggal 2-0, Daerah Tutong hampir pasti merapatkan jurang tersebut setelah percubaan Mohd. Irwandy Haji Mohd. Noor berjaya ditepis keluar oleh penjaga gol, Mohd. Sharin Haji Sarpudin.

Selepas percubaan itu, dua lagi percubaan penyerang Daerah Tutong yang masing-masing dilakukan oleh Mohd. Hadiman dan Sumardi Abd. Manan, namun kedua-duanya juga gagal menyudahkannya dengan berkesan.

Di sebalik asakan itu, Daerah Brunei-Muara kemudian menambatkan lagi jaringan ketiganya melalui gerakan solo Md. Khairul Haji Md. Yakub yang hanya berdepan dengan penjaga gol dan merembatnya masuk menjadikan kedudukan 3-0.

Selepas kedudukan selesai 3-0 itu, satu lagi peluang untuk Daerah Brunei-Muara menambahkan jaringan tetapi gagal dimanfaatkan oleh Ak. Asrol Asdynee dan kesempatan tersebut terlepas.

Di akhir perlawanan, pemain Daerah Brunei-Muara, Edi Ruslan Haji Abu Samat juga dipilih sebagai pemain terbaik pada perlawanan akhir itu. Hadiah-hadiah disampaikan oleh Yang Dipertua Pertubuhan Bola Sepak Daerah Brunei-Muara, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran DSLJ Haji Abas.



TAHUN 45

BILANGAN 48

RABU 29 NOVEMBER, 2000

1421, رابو 2 رمضان,

PERCUMA

**YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH****JAWATAN KOSONG SEBAGAI GURU SEKOLAH
YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan sebagai GURU SEKOLAH YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH :

Sukatan Gaji I - \$1,550.00 - \$2,750.00
H - \$1,910.00 - \$3,170.00
G - \$2,500.00 - \$3,310.00
F - \$3,400.00 - \$4,600.00

* Kemudahan-kemudahan yang akan diberikan kepada calon-calon yang dilantik ke jawatan tetap adalah seperti berikut : Elaun Perumahan, Elaun Kenderaan, Elaun Pelajaran, Elaun Cuti, Bantuan Menunaikan Fardhu/Mengerjakan Ibadat Haji, Kemudahan Perubatan, Lindungan Takaful dan Bonus Tahunan sehingga 2 bulan gaji.

Syarat-Syarat :

- Berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan.
- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pendidikan atau yang sebanding dengannya. Atau Mempunyai Diploma/Sijil dalam bidang pendidikan.
- Pemohon hendaklah mempunyai perwatakan yang baik.
- Pemohon yang bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga boleh memohon jawatan ini.

PERINGATAN :

Pemohon-pemohon hendaklah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh didapati di Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Kumbang Pasang, Gadong BA 1511, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang yang telah lengkap disisik hendaklah dikembalikan dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji yang berkaitan. Borang-borang tidak lengkap diisi tidak akan dilayan.

Tarikh tutup penerimaan borang : Hari Khamis 7 Disember, 2000M.

**JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM****Bilangan Tawaran : JPA/TEN/04/2001
PEMELIHARAAN KEBERSIHAN DALAM DAN LUAR
BANGUNAN KELAB PERKHIDMATAN AWAM,
KAMPUNG MENTIRI BAGI TAHUN 2001 - 2004****Syarat-Syarat Tawaran :**

- TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada 20 Disember, 2000 jam 2.00 petang dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.
- Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi di mana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengenalan syarikat/pembekal.
- Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Perniagaan yang diakui sah.
- Keterangan lanjut serta borang tawaran boleh diperolehi dari Unit Perumahan (Seksyen Kelab Perkhidmatan Awam), Bahagian Perkhidmatan Personal, Jabatan Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Z/3032 : BALLOON MARKER C/W CHARGER. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/Z/3016 : PEAK CAP MODEL US NAVY. Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 18 Disember, 2000. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 18 Disember, 2000 hari Isnin jam 10.30 pagi.
- Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 11.00 pagi pada minggu yang sama.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2000/T/3009 : (JPPK/LTN/29/2000) : THE TREE AND PALM PLANTING AT PANGKALAN TENTERA UDARA, RIMBA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Wang Bayaran Tawaran : \$100.00. Wang Cagaran : \$10.00 (tidak dikembalikan). Kelas II. Kategori : 4b & 5f.

**JABATAN PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/11/2000 : Tajuk Kerja : PEMELIHARAAN SISTEM HAWA DINGIN : PEMELIHARAAN BERKONTRAK DAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI KUMPULAN 3 (COASTAL ROAD) BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

